

lembaga pemantauan audit
laporan tahunan

2014



Suruhanjaya Sekuriti
Securities Commission
Malaysia

Pernyataan Misi



Memupuk pengauditan
bebas berkualiti tinggi
bagi memelihara keyakinan
terhadap kualiti dan
kebolehpercayaan penyata
kewangan teraudit entiti
berkepentingan awam di Malaysia



KANDUNGAN

Perutusan Pengerusi Eksekutif	v
Ringkasan Strategi AOB	x
BAHAGIAN 1	1
Menggalakkan Amalan Audit Berkualiti Tinggi	
Aktiviti Pendaftaran	3
Pengenalan	3
Pendaftaran Firma Audit dan Juruaudit Individu	3
Pengiktirafan Terhadap Firma Audit Luar dan Juruaudit Individu Luar	4
Semakan ke atas Pematuhan terhadap Penggiliran Rakan Kongsi Audit dan EQCR	5
Rencana Kotak 1: Statistik bagi 10 Firma Audit Utama	6
Aktiviti Pemeriksaan	11
Pengenalan	11
Ringkasan Aktiviti	11
Gambaran Keseluruhan Pemerhatian	13
Rencana Kotak 2: Inovasi Audit	15
Pemerhatian Utama Daripada Semakan Peringkat Firma Terhadap Firma Audit Utama	16
Pemerhatian Utama Daripada Semakan Peringkat Firma Terhadap Firma Audit Lain	20
Pemerhatian Utama Daripada Semakan Peringkat Tugas Terhadap Firma Audit Utama dan Firma Audit Lain	23
Pemulihan	31
Kesimpulan	33
Aktiviti Penguatkuasaan	35
Pengenalan	35
Sekatan yang Dikenakan pada 2014	36
BAHAGIAN 2	37
Mempengaruhi Ekosistem Pelaporan Kewangan dan Memanfaatkan Sokongan Pihak Berkepentingan	
Pengenalan	39
Pengawal Selia Audit ASEAN Menangani Isu Kualiti Audit Serantau	39
Rencana Kotak 3: Menyokong Inisiatif IFIAR	40
Pembabitian Dengan Kepimpinan Firma Audit	42
Bekerjasama Dengan Pengawal Selia	43
Menggalakkan Amalan Pelaporan Kewangan Berkualiti Tinggi	43
Mengukuhkan Profesion Perakaunan	44

BAHAGIAN 3	45
Taksiran Prestasi Dan Keberkesanan	
Pengenalan	47
Semakan Prestasi 2014	48
Rencana Kotak 4: Pengiktirafan Dalam Laporan Pemerhatian Tadbir Urus Korporat 2014	50
 BAHAGIAN 4	 53
Menyokong Penggunaan dan Pelaksanaan Piawaian	
Pengenalan	55
Penglibatan Dalam Perkembangan dan Pelaksanaan Piawaian dan Peraturan	55
Rencana Kotak 5: Projek Pelaporan Juruaudit	55
Inisiatif Global Dalam Pembaharuan Pasaran dan Amalan Audit	60
 BAHAGIAN 5	 67
Penyata Tadbir Urus	
Ahli Lembaga Pemantauan Audit	69
Kehadiran Mesyuarat	72
Tanggungjawab Lembaga Pengarah	72
Prosedur Mesyuarat	72
Jawatankuasa Pendaftaran	72
Struktur Organisasi	73
 BAHAGIAN 6	 75
Penyata Kewangan dan Lain-Lain	
Penyata Kewangan Lembaga Pemantauan Audit	77
Akronim dan Singkatan	95
Definisi	97



Perutusan Pengerusi Eksekutif



PERUTUSAN PENGGERUSI EKSEKUTIF



Saya berbesar hati membentangkan Laporan Tahunan Lembaga Pemantauan Audit (AOB) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

AOB telah terlibat dalam banyak kegiatan dalam usaha mencapai misinya. Selain daripada aktiviti-aktiviti pemantauan, AOB telah mengumpulkan data dan maklumat untuk memahami situasi semasa dalam industri pengauditan dengan lebih mendalam. Kami juga turut terlibat dalam usaha bagi mengukuhkan keupayaan profesion perakaunan yang akan mempengaruhi kualiti audit.

Persekitaran operasi industri pengauditan

Tiada perubahan besar dalam bilangan firma audit dan juruaudit individu yang berdaftar dan diiktiraf. Tumpuan para pelanggan kekal bersama 10 firma

audit utama yang secara kolektif mengaudit 957 entiti berkepentingan awam (PIE) yang merangkumi 98.6% daripada permodalan pasaran bagi syarikat awam tersenarai (PLC) di Malaysia.

Dalam pemerhatian kami, kadar kenaikan yuran adalah sederhana berbanding dua tahun sebelumnya sementara kos gaji bagi juruaudit kekal dalam trend menaik. Pemerhatian ini adalah konsisten dengan perkembangan dalam pasaran lain yang menimbulkan persoalan berkenaan nilai dan kerelevanan audit kepada syarikat, pemegang saham mereka dan pihak berkepentingan lain.

Walaupun kadar pusing ganti kakitangan telah bertahan pada 25%, kadar pusing ganti purata pada peringkat bukan eksekutif kekal tinggi. Ini adalah membimbangkan kerana kadar pusing ganti pada peringkat ini mungkin menunjukkan kurangnya daya tarikan bidang pengauditan sebagai kerjaya pilihan dalam kalangan akauntan muda, yang mungkin membawa kesan yang memudaratkan dalam jangka masa panjang.

Kebimbangan kami terhadap kualiti audit masih belum reda

Walaupun kami mendapati firma-firma audit telah meningkatkan sistem kawalan kualiti mereka, hasil pemeriksaan audit kami menunjukkan usaha tersebut belum lagi berupaya menambah baik kualiti audit dengan meluas dalam firma-firma tersebut. Hasil pemeriksaan tersebut menimbulkan persoalan tentang keberkesanan keupayaan firma dalam memastikan punca sebenar kelemahan yang dikenal

pasti oleh AOB. Proses pengawasan dalaman firma mestilah berupaya mengaitkan punca sebenar ini dengan langkah pemulihan yang menambah baik kualiti audit secara meluas dan kekal mampan.

Usaha untuk meningkatkan kualiti audit tidak seharusnya dihadkan kepada proses penambahbaikan dan latihan semata-mata. Ia juga hendaklah merangkumi strategi untuk bersaing di dalam pasaran, penjajaran insentif dan model perniagaan firma secara keseluruhan. Bagaimana pasukan audit mengamalkan dan mempamerkan etika dan nilai profesional juga hendaklah menjadi tumpuan utama. Sehubungan ini, kepimpinan firma audit hendaklah menetapkan nada yang jelas untuk diteladani oleh yang lain.

Kami bimbang firma-firma audit berkemungkinan telah mula selesa dengan kelemahan dan isu-isu yang dibangkitkan dalam laporan pemeriksaan kami dan tidak memberikan perhatian yang sepatutnya terhadap keberkesanan pelan pemulihan sebagaimana yang mereka nyatakan sebelum ini. Melangkah ke hadapan, kami telah memutuskan bahawa untuk mendukung kualiti dan tahap audit serta mengekang perkembangan yang membimbangkan ini. AOB akan mendedahkan laporan pemeriksaan firma-firma yang berkenaan kepada pihak awam atas kegagalan mereka untuk mengambil langkah-langkah pemulihan yang relevan.

Menguatkuasakan piawaian dan jangkaan

Syarat-syarat pendaftaran dan pengiktirafan merupakan instrumen utama untuk menegaskan jangkaan terhadap firma audit dalam usaha menggalakkan mereka untuk memberi tumpuan kepada kualiti audit. Pada tahun 2014, syarat-syarat pengiktirafan telah diperketat bagi memastikan firma mempunyai keupayaan yang mencukupi, sepadan dengan kerumitan dan risiko pelanggan mereka.

Pada tahun berkenaan, AOB menolak permohonan bagi pengiktirafan oleh sebuah firma audit asing kerana kegagalannya mematuhi jangkaan AOB seperti yang diperlukan dalam syarat-syarat pendaftaran.

Kebebasan juruaudit kekal menjadi tumpuan kami pada tahun 2014 kerana inilah asas yang mempengaruhi pendapat juruaudit. Sehubungan ini, tindakan telah diambil terhadap firma audit yang gagal mematuhi keperluan penggiliran rakan kongsi utama audit, yang merupakan satu langkah kritikal untuk memastikan kebebasan juruaudit.

Kerjasama dan pembelajaran melalui pembabitan antarabangsa

AOB beriltizam untuk menyumbang dan bekerjasama dengan pengawal selia lain untuk terus meningkatkan kualiti audit serta mendukung tahap global audit. Kerjasama dalam kalangan anggota Kumpulan Pengawal Selia Audit ASEAN (AARG) melalui perbincangan yang kerap dan perkongsian pengetahuan untuk meningkatkan ketekalan prestasi dalam kalangan pengawal selia pemantauan audit telah memberi impak kepada firma audit yang beroperasi di rantau ini.

Kami telah menganjurkan Bengkel Pemeriksaan Ke-8 bagi Forum Pengawal Selia Audit Bebas Antarabangsa (IFIAR). Acara yang diadakan untuk pertama kalinya di rantau ASEAN ini mendapat sambutan yang amat baik daripada lebih 100 delegasi daripada 35 negara anggota IFIAR. Ia juga memberikan peluang kepada pasukan kami untuk terlibat secara langsung dan memudahcarakan perbincangan.

AOB masih memantau perkembangan di peringkat global secara berterusan. Pada tahun 2014, fokus adalah berkisar mengenai pembaharuan audit Kesatuan Eropah (EU) yang memandatkan penggiliran firma audit dan sekatan dalam peruntukan perkhidmatan bukan audit kepada

“ Kami berpandangan bahawa pelaksanaan Piawaian Pelaporan Juruaudit Baharu dan Disemak Semula tersebut sebagai pengubah suasana untuk meningkatkan kualiti pelaporan kewangan di Malaysia. Semua pihak berkepentingan perlu terlibat dalam usaha untuk memastikan pelaksanaan piawaian ini berjalan lancar.”

pelanggan audit. Terdapat juga fokus terhadap pengawalseliaan audit berhubung PIE berkaitan China.

Model pelaporan audit baharu – satu pengubah suasana

Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan Antarabangsa (IAASB) telah mengeluarkan Piawaian Pelaporan Juruaudit Baharu dan Yang Disemak Semula dengan tarikh berkuat kuasa pada 15 Disember 2016. Piawaian baharu ini menghendaki juruaudit memasukkan penzahiran tentang Hal Audit Utama dalam laporan mereka. Ini juga akan menjurus kepada laporan yang lebih menepati situasi pelanggan berbanding dengan format sedia ada yang sebahagian besar kandungannya menggunakan kata-kata amalan standard. Kami membayangkan maklumat yang dilaporkan pada masa hadapan akan memberikan lebih banyak pencerahan tentang risiko yang terlibat dalam entiti pelaporan tertentu dan sesetengah daripada

maklumat ini mungkin mempunyai impak kepada pasaran.

Kami berpandangan bahawa pelaksanaan Piawaian Pelaporan Juruaudit Baharu dan Disemak Semula tersebut mungkin menjadi pengubah suasana yang boleh meningkatkan kualiti pelaporan kewangan di Malaysia. Semua pihak berkepentingan perlu terlibat dalam usaha untuk memastikan pelaksanaan piawaian ini berjalan lancar.

Mengekalkan fokus utama

Pengikhtirafan yang kami terima daripada Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia (ACGA) dalam *Corporate Governance (CG) Watch 2014 Report* merupakan satu testimoni sejauh mana AOB telah matang sejak penubuhannya pada tahun 2010. Selain itu, AOB telah diiktiraf sebagai salah satu pengawal selia audit yang terurus dengan lebih baik dan telus di rantau ini. Ini terus mengukuhkan tekad kami untuk meningkatkan prestasi pada masa akan datang.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada ahli Lembaga AOB atas komitmen dan bimbingan mereka sepanjang tahun ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan pengawal selia, badan perakaunan profesional dan pihak berkepentingan lain atas sokongan berterusan mereka sepanjang lima tahun ini.

Akhir kata, kepada pasukan pengurusan dan kakitangan AOB, saya ingin merakamkan penghargaan saya atas usaha cemerlang mereka. Saya menaruh harapan untuk terus melaporkan kemajuan AOB pada tahun-tahun yang mendatang.



Nik Mohd Hasyudeen Yusoff

Ringkasan

Strategi AOB

AOB mensasarkan untuk mencapai hasil yang diinginkan seperti berikut:

- Amalan pelaporan kewangan berkualiti tinggi oleh PIE
- Amalan audit bijak dan berkualiti tinggi
- Audit bebas dan berkualiti tinggi
- Penyata kewangan teraudit yang berkualiti tinggi dan boleh dipercayai
- Mengukuhkan keyakinan terhadap penyata kewangan teraudit.

AOB telah mengguna pakai rangka kerja strategik yang menghubungkan bidang perkhidmatan dan aktiviti AOB kepada hasil yang diinginkan yang menggambarkan pencapaian misinya. Rangka kerja strategik tersebut mempunyai empat tema strategik iaitu:

- Menggalakkan amalan pengauditan berkualiti tinggi
- Mempengaruhi ekosistem pelaporan kewangan
- Memanfaatkan sokongan pihak pemegang kepentingan
- Menyokong penggunaan dan pelaksanaan piawaian.

Menggalakkan amalan pengauditan berkualiti tinggi

Aktiviti pengawasan utama kami seperti pendaftaran, pemeriksaan dan siasatan bertujuan untuk memastikan firma audit dan juruaudit individu komited dalam menjalankan pengauditan bebas berkualiti tinggi sambil mencapai objektif perniagaan mereka. Untuk tujuan ini, matlamat yang diusahakan bawah tema ini adalah:

- Menguatkuasakan dasar pendaftaran yang menggalakkan kualiti dan kapasiti
- Mendorong amalan pengauditan berkualiti melalui pemeriksaan dan pemulihan juruaudit
- Menetapkan nada untuk kualiti melalui tindakan penguatkuasaan.

Mempengaruhi ekosistem pelaporan kewangan

Laporan kewangan yang berkualiti tinggi hanya akan dicapai sekiranya semua komponen utama dalam ekosistem pelaporan kewangan berkesan dalam memainkan peranan masing-masing. Memahami senario ini, AOB juga akan memberi tumpuan terhadap usaha mempengaruhi pihak-pihak berkepentingan utama yang lain untuk memastikan kualiti audit dalam agenda perniagaan mereka. Matlamat yang diusahakan ialah:

- Meningkatkan kerjasama antara pemegang kepentingan dalam ekosistem pelaporan kewangan
- Menggalakkan penyelidikan dan wacana mengenai kualiti audit.

Memanfaatkan sokongan pihak berkepentingan


Keberkesanan AOB akan dipertingkatkan jika ia boleh memanfaatkan usaha pihak-pihak berkepentingan lain yang berkongsi minat yang sama dalam meningkatkan kualiti pelaporan kewangan PIE. Ini termasuk bekerjasama dengan rakan-rakan antarabangsa memandangkan pengauditan telah menjadi satu urusan global. AOB mensasarkan untuk mencapai matlamat berikut:

- Mengukuhkan penyelarasan aktiviti dengan pihak berkuasa lain dari dalam Malaysia dan luar negara
- Menyertai aktiviti antarabangsa untuk memperolehi pengetahuan dan pengalaman dan menggalakkan keyakinan terhadap kualiti audit di Malaysia
- Mendapatkan sokongan kewangan yang lebih banyak daripada pihak berkepentingan.

Menyokong penggunaan dan pelaksanaan piawaian

Piawaian pengauditan dan etika menyediakan garis dasar untuk mencapai pengauditan bebas berkualiti tinggi. Dalam hal ini, AOB ingin mencapai matlamat berikut:

- Memastikan tiada jurang yang besar
- Menggalakan pelaksanaan pelaporan yang mementingkan inti pati daripada bentuk
- Memudahcarakan pelaksanaan piawaian dalam kalangan firma audit.



1

BAHAGIAN

Menggalakkan Amalan Audit Berkualiti Tinggi



AKTIVITI PENDAFTARAN

PENGENALAN

Dalam memperkukuhkan kesinambungan dalam mempengaruhi amalan audit, AOB telah meningkatkan aktiviti pemantauan audit secara dinamik melalui fungsi pendaftaran, pemeriksaan dan penguatkuasaan. Hasil yang diharapkan ialah agar firma audit melaksanakan audit berkualiti secara konsisten melalui pembinaan kapasiti berterusan dan rangka kerja kualiti yang berkesan.


Dalam usaha ini, AOB secara konsisten mengingatkan bahawa firma audit dikehendaki mematuhi piawaian pengauditan dan kawalan kualiti antarabangsa yang diterima pakai oleh profesion perakaunan di Malaysia. Firma yang berhasrat untuk mendaftar dengan AOB dikehendaki menunjukkan keupayaan mereka untuk mematuhi piawaian kawalan kualiti dan pengauditan yang relevan.

PENDAFTARAN FIRMA AUDIT DAN JURUAUDIT INDIVIDU

Carta 1 menunjukkan bilangan firma audit berdaftar dan juruaudit individu sejak dari penubuhan AOB

Carta 1

Statistik pendaftaran 5 tahun firma audit dan juruaudit individu berdaftar



Sumber: AOB

hingga 31 Disember 2014. Bilangan firma audit yang mendaftar dengan AOB telah berkurangan daripada 83 kepada 52 sejak tahun 2010. Bilangan juruaudit individu berdaftar kekal stabil untuk tempoh lima tahun yang lalu dengan pengurangan minimum ditunjukkan pada tahun 2011 dan 2012, diikuti dengan sedikit peningkatan dari tahun 2013.

Jadual 1

Pendaftaran firma audit dan juruaudit individu pada 31 Disember 2014

Profil firma audit yang berdaftar	Bilangan firma audit	Bilangan juruaudit individu	Bilangan PIE yang telah diaudit	% permodalan pasaran
Perkongsian dengan 10 rakan kongsi atau lebih	8	181	940	95.52
Perkongsian dengan 5 – 9 rakan kongsi	6	30	75	0.54
Perkongsian dengan 2 – 4 rakan kongsi	35	90	123	3.93
Pemilikan tunggal	3	3	6	0.01
JUMLAH	52	304	1,144	100.00

Kepadatan pelanggan kekal dengan 10 firma audit terbaik yang secara kolektif mengaudit 957 PIE yang meliputi 98.6% daripada permodalan pasaran PLC di Malaysia.

AOB tidak menolak sebarang permohonan untuk pendaftaran pada tahun 2014.

PENGIKTIRAFAN TERHADAP FIRMA AUDIT LUAR DAN JURUAUDIT INDIVIDU LUAR

Pada 31 Disember 2014, AOB mengiktiraf juruaudit individu asing dari lima firma audit asing yang telah mengaudit enam syarikat yang diperbadankan di luar negara yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

AOB bergantung kepada rangka kerja pemantauan negara asal juruaudit luar apabila mempertimbangkan pengiktirafan kepada mereka.

Antara perkara yang dipertimbangkan oleh AOB adalah sama ada firma audit tersebut dikehendaki untuk mematuhi piawaian pengauditan dan kawalan kualiti antarabangsa dan sama ada mereka tertakluk kepada pemeriksaan berkala oleh pengawal selia audit di negara asal. Ia adalah sebahagian daripada proses pengiktirafan juruaudit asing untuk mendedahkan pemerhatian tertentu daripada pemeriksaan yang dijalankan oleh pengawal selia audit di negara asal mereka.

“Ia adalah sebahagian daripada proses pengiktirafan juruaudit asing untuk mendedahkan pemerhatian tertentu daripada pemeriksaan yang dijalankan oleh pengawal selia audit di negara asal mereka.”

Sebarang pemerhatian tidak baik daripada pemeriksaan yang dijalankan oleh kawal selia audit negara asal mereka akan menjejaskan pengiktirafan juruaudit asing di Malaysia.

Rangka kerja pengiktirafan ini akan terus diperhalusi bagi menggalakkan pembinaan keupayaan juruaudit asing untuk meningkatkan rangka kerja kawalan kualiti mereka bagi menghasilkan audit berkualiti yang konsisten.

Pada tahun ini, AOB telah menolak permohonan pengiktirafan sebuah firma audit asing berikutan kegagalannya untuk mematuhi keperluan Bahagian IIIA atau apa-apa notis bertulis atau garis panduan yang dibuat di bawah *Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 (SCA)*.

Jadual 2

Profil firma audit asing yang diiktiraf oleh AOB

Bidang kuasa	Bil. firma audit		Bil. juruaudit individu		Bil. PLC yang telah diaudit	
	2014	2013	2014	2013	2014	2013
Singapura	3	5	6	12	4	4
Hong Kong	1	1	2	2	1	1
UK	1	1	2	2	1	1
JUMLAH	5	7	10	16	6	6

SEMAKAN KE ATAS PEMATUHAN TERHADAP PENGGILIRAN RAKAN KONGSI AUDIT DAN EQCR

AOB terus menekankan kepentingan pematuhan kepada keperluan penggiliran rakan kongsi audit dan Penyemak Kawalan Kualiti Tugasan (EQCR) yang merupakan asas dalam memastikan kebebasan juruaudit dan kualiti audit dikekalkan. Hasil daripada pemantauan berterusan dan perbincangan dengan firma audit dalam hal ini, terdapat peningkatan dalam trend ketakpatuhan keperluan penggiliran rakan kongsi audit.

Walaupun amaran telah diberi pada tahun-tahun sebelum ini, pada 2014, AOB mengambil tindakan terhadap sebuah firma audit kerana kegagalannya untuk mematuhi peraturan penggiliran rakan kongsi audit. Firma audit tersebut juga tidak mematuhi seksyen 31N(1) SCA yang menghendakinya berdaftar dengan AOB apabila bertindak sebagai juruaudit.

AOB akan terus memantau pelantikan EQCR oleh firma audit untuk PIE bagi memastikan pematuhan piawaian yang menghendaki EQCR terdiri daripada seorang individu yang memiliki pengalaman yang bersesuaian dan mencukupi serta kuasa untuk bertindak sebagai rakan tugas audit. AOB terus menekankan bahawa EQCR mestilah seorang rakan kongsi audit yang berdaftar dengan AOB.

Kotak 1 STATISTIK BAGI 10 FIRMA AUDIT UTAMA


Pada tahun 2014, AOB memperkenalkan pendekatan berstruktur dalam pengumpulan data, bertujuan untuk menyediakan analisis trend ke arah pemahaman yang lebih mendalam mengenai profesion, menyokong pembinaan keupayaan dan memudahcarakan perbincangan tentang kualiti audit dalam kalangan pihak berkepentingan yang berkenaan. Melalui analisis trend ini, mesej penting dalam menggalakkan kualiti audit dapat disampaikan dalam spektrum yang lebih luas kepada firma audit yang memberi perkhidmatan kepada PIE di Malaysia. AOB telah mengumpul statistik daripada 10 firma audit utama yang secara kolektif mengaudit 957 PIE, meliputi 98.6% permodalan pasaran PLC di Malaysia.

Yuran audit berbanding kos gaji

Carta 2 menunjukkan analisis hubung kait di antara kadar pertumbuhan bagi 10 firma audit utama di Malaysia dari segi yuran audit berkanun dan kos gaji. Walaupun pertumbuhan yuran audit telah kekal pada 12.0% dari tahun 2012 hingga 2013, terdapat pengurangan pada tahun 2014 pada kadar pertumbuhan sebanyak 9.0%. Secara perbandingan, kos gaji juga kekal sepanjang tiga tahun lepas dengan sedikit peningkatan pada tahun 2014, sejajar dengan peningkatan tenaga kerja amalan audit keseluruhan sebanyak 6.6%.

Carta 2

Kadar pertumbuhan dalam yuran audit dan kos gaji



Sumber: Analisis AOB – 10 firma audit utama di Malaysia

Data yang diperolehi menyokong maklum balas mengenai peningkatan berterusan dalam kos gaji pada kadar yang lebih tinggi berbanding dengan pertumbuhan dalam yuran audit. Ini merupakan salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh firma audit.


Latihan

Dalam memastikan kerja audit yang berkualiti, AOB mengharapkan komitmen dan pelaburan firma dalam infrastruktur dan latihan yang berkaitan untuk menyokong pelaksanaan kerja audit berkualiti.

Seperti yang dikehendaki oleh Institut Akauntan Malaysia (MIA), ahli-ahlinya mestilah memenuhi keperluan wajib Pendidikan Profesional Berterusan (CPE) sekurang-kurangnya 120 jam kredit pembelajaran yang berkaitan bagi setiap tiga tahun. Hal ini adalah sejajar dengan piawaian global dan juga Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC), yang mempunyai purata kira-kira 40 jam setiap tahun. Berdasarkan analisis AOB, Carta 3 menunjukkan bahawa secara purata, kakitangan amalan audit termasuk rakan kongsi audit dan peringkat pengurusan menjalani latihan melebihi keperluan wajib CPE MIA.

Carta 3

Purata bilangan jam latihan yang dilalui




Sumber: Analisis AOB – 10 firma audit utama di Malaysia

Walaupun AOB menyokong komitmen firma untuk melabur dalam kegiatan latihan, adalah penting bagi firma audit untuk menilai keberkesanan latihan tersebut. Dalam melaksanakan kerja audit berkualiti, secara asasnya, firma audit perlu memastikan kerelevanan, pemahaman teknikal dan aplikasi praktikal latihan bagi keberkesanannya.

Carta 4

Kadar purata pusing ganti kakitangan audit



Sumber: Analisis AOB – 10 firma audit utama di Malaysia

Sumber manusia: Pengurangan tenaga kerja

AOB mengakui isu kekurangan sumber akibat pengekatan bakat sebagai salah satu cabaran utama yang dihadapi dalam amalan audit. Carta 4 menunjukkan kadar purata pusing ganti bagi 10 firma audit utama di Malaysia, yang mengalami penurunan daripada 26.6% kepada 25.1%. Walau bagaimanapun, purata pusing ganti bagi bukan eksekutif kekal tertinggi antara 10 firma audit utama.

Carta 5 menunjukkan purata nisbah kakitangan kepada rakan kongsi audit ialah 24:1 manakala kakitangan audit bukan eksekutif kepada pengurus ialah 9:1 untuk 10 firma audit utama di Malaysia bagi tahun semasa.


Sumber manusia: Pengalaman

Carta 6 menggambarkan bahawa purata pengalaman untuk rakan kongsi audit ialah 22 tahun manakala peringkat pengurus kepada pengarah adalah antara tujuh dan 14 tahun. Sebaliknya, kakitangan audit bukan eksekutif mempunyai purata tiga tahun perkhidmatan dalam bidang audit. Analisis terperinci AOB menunjukkan bahawa enam daripada 10 firma audit berada dalam julat purata pengalaman 22 tahun bagi kategori rakan kongsi audit.

Adalah penting untuk mengambil kira kepelbagaian kemahiran dan pengalaman bagi memastikan keberkesanan pasukan audit dalam menjalankan kerja audit.

Carta 5


Nisbah kakitangan kepada rakan kongsi audit dan nisbah kakitangan audit bukan eksekutif kepada pengurus



Sumber: Analisis AOB – 10 firma audit utama di Malaysia

Carta 6

Purata tahun pengalaman kakitangan audit



Sumber: Analisis AOB – 10 firma audit utama di Malaysia

Pemantauan dan Kawalan Kualiti

AOB sentiasa mengingatkan firma audit agar mempunyai rangka kerja pemantauan kawalan sejajar dengan keperluan Piawaian Antarabangsa tentang Kawalan Kualiti (ISQC) 1 *Kawalan Kualiti bagi Firma yang Melaksanakan Audit dan Semakan Laporan Kewangan, dan Tugas Jaminan dan Perkhidmatan Lain yang Berkaitan* dan memastikan keberkesanannya.

Carta 7 menunjukkan nisbah purata bilangan sumber dalam kawalan kualiti daripada jumlah tenaga kerja dalam bidang audit di 10 firma audit utama. Kakitangan di bahagian teknikal merangkumi 1.1% daripada bilangan keseluruhan kakitangan firma diikuti oleh bahagian latihan pada 0.6%, menunjukkan sedikit peningkatan berbanding tahun lepas. Semua firma adalah dijangka untuk memberi tumpuan yang tinggi terhadap fungsi kawalan kualiti bagi memastikan pelaksanaan kerja audit berkualiti.


Kesimpulan

Berdasarkan analisis tiga tahun ke atas 10 firma audit utama, kos gaji terus meningkat pada kadar yang lebih tinggi berbanding pertumbuhan dalam yuran audit. Peningkatan kos gaji adalah disebabkan oleh pertambahan keseluruhan dalam jumlah kakitangan amalan audit. Walaupun jumlah pekerja meningkat, isu tenaga kerja masih menjadi cabaran berdasarkan kadar purata pusing ganti keseluruhan menunjukkan tiada peningkatan ketara kepada kadar pengurangan.

Analisis lanjut berkenaan latihan menunjukkan bahawa kakitangan bidang audit termasuk rakan kongsi dan peringkat pengurusan secara puratanya menjalani latihan melebihi keperluan

Carta 7

Purata bilangan sumber dalam kawalan kualiti berbanding jumlah kakitangan dalam bidang audit



Sumber: Analisis AOB – 10 firma audit utama di Malaysia

CPE mandatori MIA. Walau bagaimanapun, oleh kerana pemerhatian berulang semasa pemeriksaan pada tahun 2014, adalah penting bagi firma audit untuk menilai keberkesanan latihan yang telah dijalani.

Kebimbangan terhadap kualiti audit semakin bertambah dengan komposisi kakitangan audit dalam firma audit yang kebanyakannya disokong oleh kakitangan yang mempunyai purata tiga tahun pengalaman bekerja. Ini merangkumi 85% jumlah keseluruhan pekerja bagi 10 firma audit utama. Dengan kelemahan berulang yang ditemui dalam pemeriksaan pada tahun 2014, penambahbaikan, termasuk pertimbangan untuk menyusun semula sumber dalam fungsi pemantauan dan kawalan kualiti dapat memberikan sokongan yang lebih baik untuk melaksanakan kerja audit berkualiti.

AKTIVITI PEMERIKSAAN

PENGENALAN

Seksyen 31V(1), Bahagian IIIA SCA memberi mandat kepada AOB untuk menjalankan pemeriksaan ke atas juruaudit PIE bagi menilai tahap pematuhan kepada pengauditan yang berkaitan dan piawaian etika serta kualiti laporan audit yang mereka sediakan untuk PIE.

Pemeriksaan ini diikuti oleh laporan yang dikeluarkan kepada firma audit yang mana mereka dikehendaki untuk mengenal pasti punca sebenar kekurangan yang diperhatikan dan melaksanakan tindakan pemulihan yang bersesuaian dan berkesan.

RINGKASAN AKTIVITI

AOB melakukan pemeriksaan berkala setiap tahun ke atas firma audit yang mempunyai lebih daripada 10 rakan kongsi audit dan mengaudit lebih daripada 40 PIE dengan permodalan pasaran sebanyak RM15 bilion ke atas (secara kolektif dirujuk sebagai 'Firma Audit Utama'). Enam firma audit telah dikenal pasti dalam kategori ini yang secara kolektif mengaudit lebih kurang 94% daripada PIE yang tersenarai di bursa, mengikut permodalan pasaran.

Pemeriksaan berkala ke atas firma audit peringkat pertengahan dan pemilik tunggal (secara kolektif dirujuk sebagai 'Firma Audit Lain') dijalankan dalam kitaran yang telah ditentukan berasaskan risiko. Pada tahun ini, AOB menjalankan pemeriksaan berkala ke atas empat Firma Audit Lain, termasuklah pemeriksaan semula satu firma audit. Secara keseluruhan, AOB menjalankan pemeriksaan berkala ke atas 10 firma audit yang secara keseluruhannya

Pada 2014, **6**
FIRMA AUDIT UTAMA
secara kolektif mengaudit
94% daripada
PIE
tersenarai mengikut
mengikut permodalan
pasaran

“Semakan firma memberi tumpuan kepada sistem dan amalan kawalan kualiti firma audit dan tahap pematuhan terhadap keperluan ISQC 1.”

mengaudit 957 PIE yang meliputi 98.6% permodalan pasaran PLC.

Pemeriksaan berkala terdiri daripada semakan peringkat firma dan tugas. Semakan firma memberi tumpuan kepada sistem dan amalan kawalan kualiti firma audit dan tahap pematuhan terhadap keperluan ISQC 1. Semakan tugas pula bertujuan untuk menilai tahap pematuhan kepada Piawaian Antarabangsa tentang Pengauditan (ISA) serta pematuhan kepada piawaian etika yang berkaitan. Bagi firma yang telah diperiksa pada masa lalu, pemeriksaan yang seterusnya ke atas firma-firma ini juga melibatkan semakan susulan mengenai pelaksanaan pelan tindakan pemulihan firma.

Selain daripada pemeriksaan berkala, AOB juga terlibat secara aktif dengan IFIAR dan AARG untuk mengikuti perkembangan terkini di rantau ini

Jadual 3

Liputan pemeriksaan


Profil audit utama yang berdaftar	Firma Audit Utama		Firma Audit Lain	
	2014	2013	2014	2013
Bil. firma yang diperiksa	6	6	4	6*
Bil. rakan kongsi audit individu yang diperiksa	21	26	8	13*
Bil. tugas audit yang diperiksa	21	25	8	13*

*termasuk satu pemeriksaan khas


Carta 8

Analisis tugas audit mengikut sektor

Liputan tugas mengikut sektor (2014)



Liputan tugas mengikut sektor (2010 hingga 2014)



* Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal

dan juga di peringkat antarabangsa. Di peringkat tempatan, AOB terus mengadakan sesi dialog bersama Firma Audit Utama dan Firma Audit Lain untuk menyampaikan mesej utama mengenai kualiti audit dan juga untuk mendapatkan maklum balas tentang cabaran yang dihadapi oleh firma-firma audit.

GAMBARAN KESELURUHAN PEMERHATIAN

AOB mendapati peningkatan dalam penambahbaikan yang mana bilangan pemerhatian berulang berkaitan dengan semakan tugas yang melibatkan pemeriksaan semula firma telah berkurangan. Walau bagaimanapun, ketekalan

Perbincangan AOB di Peringkat Tempatan 2014



Sesi Dialog bersama 10 Firma Audit Utama pada 29 September

Dalam dialog ini, AOB memperkenalkan pendekatan berstruktur dalam pengumpulan data yang akan memudahkan analisis trend industri serta perbincangan tentang kualiti audit dengan pihak berkepentingan yang berkenaan.



Sesi dialog mengikut sektor bersama Firma Audit Lain pada 10 November

Dialog ini menjadi wadah untuk AOB menyediakan maklumat kawal selia yang terkini serta untuk dua firma audit berkongsi pengalaman, inisiatif utama dan amalan terbaik mereka dalam melaksanakan audit berkualiti.

Perbincangan AOB di Peringkat Antarabangsa 2014



Bengkel Pemeriksaan IFIAR yang ke-8 dari 10 hingga 12 Mac

AOB telah menganjurkan Bengkel Pemeriksaan IFIAR yang ke-8 di Kuala Lumpur dari 10 hingga 12 Mac 2014 dengan lebih daripada 100 pengawal selia audit dari 35 buah negara menghadirkan diri untuk berkongsi kemahiran teknikal, pengetahuan, pengalaman praktikal, penemuan pemeriksaan yang berkaitan dan mengenal pasti amalan yang lebih baik dalam pemeriksaan firma audit.



Mesyuarat AARG bersama Empat Firma Audit Besar dari 15 hingga 16 Mei

AOB mengambil bahagian dalam mesyuarat AARG bersama Empat Firma Audit Besar di Bangkok, Thailand dari 15 hingga 16 Mei 2014. Ketika mesyuarat ini, terdapat pertukaran maklumat dalam kalangan ahli AARG (Malaysia, Thailand dan Singapura) mengenai perkembangan semasa dan akan datang bagi mengawal selia audit dalam bidang kuasa masing-masing. AARG juga berbincang dengan Empat Firma Audit Besar mengenai topik-topik yang berkaitan dengan proses pemantauan petunjuk kualiti audit yang digunakan untuk mengukur penambahbaikan kualiti audit dan inovasi audit firma masing-masing.

prestasi tugas di kalangan rakan kongsi audit masih merupakan cabaran utama bagi kebanyakan firma. Semakan fail tugas yang dilakukan oleh AOB mendedahkan beberapa bidang yang mana kelemahan yang ketara telah dikenal pasti. Kelemahan yang ketara ini boleh memberi kesan terhadap asas pendapat audit termasuk apa-apa isu meluas yang mana kesannya tidak mudah dinilai. Bagi tiga daripada empat Firma Audit Lain

yang diperiksa, terdapat beberapa jurang berkenaan dengan polisi dan prosedur sistem kawalan kualiti firma.

Usaha yang lebih diperlukan daripada firma-firma tersebut untuk mempertahankan kualiti audit. AOB memerlukan firma untuk mengambil berat tentang perkara berikut dalam usaha mereka memacu kualiti audit (Jadual 4).

Jadual 4

Usaha memacu kualiti audit

Bidang	Mesej utama AOB
Nada daripada pengurusan tertinggi	- Ganjaran rakan kongsi audit dan kakitangan hendaklah mengambil kira kualiti audit - Mewujudkan dan menguatkuasakan rangka kerja kebertanggungjawaban yang kukuh untuk memacu tingkah laku rakan kerja yang betul bagi mengurangkan risiko kegagalan audit. Keberkesanan struktur tadbir urus firma perlu dinilai untuk memperolehi hasil yang dikehendaki - Kawalan ke atas rangkaian cawangan untuk menggalakkan ketekalan prestasi
Pengambilan, pembangunan dan pengekalan bakat	- Berterusan membina kapasiti untuk memastikan keperluan sumber dipenuhi - Melabur dalam latihan untuk meningkatkan kecekapan kakitangan - Berinovatif dan menawarkan ganjaran yang kompetitif untuk menarik dan mengekalkan tenaga kerja terbaik yang setimpal dengan kerja yang dilaksanakan
Kecekapan teknikal dalam bidang perakaunan dan pengauditan	- Memastikan rakan kongsi audit dan kakitangan sentiasa dimaklumkan dengan perubahan terkini dalam piawaian perakaunan dan pengauditan - Metodologi audit perlu disemak dan dikemas kini apabila terdapat perubahan dalam piawaian yang berkaitan
Penerimaan pelanggan dan tugas audit yang baharu	Penerimaan pelanggan dan tugas audit baharu harus memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada: - Sama ada firma itu mempunyai sumber yang mencukupi dan cekap; - Risiko pelanggan dan audit; - Keupayaan firma untuk mematuhi keperluan etika yang berkaitan; dan - Keupayaan untuk mendapatkan yuran yang betul.
Prestasi tugas	- Prosedur audit yang telah direka harus mengambil kira sifat, pemasaan dan tahap yang sesuai, yang didasarkan dan responsif kepada risiko salah nyata yang ketara pada peringkat penegasan - Memastikan dasar pensampelan yang digunakan adalah sesuai terutamanya apabila mengguna pakai pertimbangan untuk menentukan bilangan sampel untuk ujian - Komunikasi tepat pada masanya untuk isu-isu audit yang berkaitan dan penting kepada tahap pengurusan pelanggan audit yang betul dan mereka yang bertanggungjawab atas tadbir urus - Mewujudkan polisi dan prosedur perundingan yang sesuai berkenaan dengan perkara-perkara yang sukar dan membabitkan pertikaian - Inovasi audit untuk mencapai kecekapan audit tidak perlu diteruskan dengan menjejaskan kualiti audit - Pengurusan portfolio PIE hendaklah mengambil kira dengan sewajarnya risiko yang semakin meningkat terutamanya apabila PIE ialah entiti yang dikawal selia

Bidang	Mesej utama AOB
Sistem pemantauan dalaman	- Prosedur pemantauan hendaklah teguh dan rapi - Fungsi pemantauan perlu mempunyai sumber yang mencukupi dengan kakitangan yang secara teknikalnya berpengetahuan dan mempunyai pengalaman yang relevan - Keberkesanan sistem pemantauan dalaman perlu dinilai dan ditambah baik
Pelan tindakan pemulihan untuk menangani kelemahan dalam sistem kawalan kualiti firma	Pelan tindakan pemulihan firma perlu menangani punca sebenar, dilaksanakan tepat pada masanya dan dipantau keberkesananannya

Kotak 2 INOVASI AUDIT

Perubahan persekitaran ekonomi serta trend yang semakin meningkat dalam pertumbuhan entiti yang canggih dan kompleks memerlukan juruaudit untuk mengkaji prestasi audit semasa secara berterusan bagi memastikan ia kekal relevan dalam menangani risiko khusus yang berkaitan dengan persekitaran perniagaan pelanggan masing-masing. Dalam menangani cabaran, AOB mengiktiraf inovasi audit praktikal yang mendatangkan manfaat kepada juruaudit tanpa menjejaskan kualiti audit:

- Menggalakkan peningkatan kecekapan, ketepatan dan kebolehpercayaan audit;
- Meningkatkan kepuasan pihak berkepentingan; dan
- Menggalakkan aplikasi amalan terbaik dalam firma.

Berikut adalah contoh inovasi audit yang diperhatikan oleh AOB:

- Penggunaan analisis data ke atas jaluran butiran transaksi pelbagai untuk mengenal pasti potensi 'situasi berbahaya' daripada transaksi yang dijalankan oleh PIE;
- Menggunakan pelbagai kepakaran sama ada daripada dalam atau luar untuk menyokong kesimpulan audit yang dicapai;
- Penubuhan pasukan berpusat untuk membantu pasukan audit dalam hal-hal pentadbiran seperti tindakan susulan pengesahan daripada bank dan penghutang; dan
- Menggunakan lebih banyak instrumen dan perisian audit untuk menggalakkan semakan semasa oleh penyelia.

Sekiranya inovasi audit melibatkan perubahan dalam proses dan prosedur, firma audit sentiasa diingatkan agar memastikan komunikasi dan panduan yang betul kepada kakitangan audit agar memperolehi kejelasan yang lebih baik dalam penggunaannya. Pematuhan terhadap ISA dan piawaian profesional lain yang berkaitan tetap penting dalam memenuhi objektif yang disasarkan.

Walau bagaimanapun, pertimbangan utama berkenaan dengan rasional perubahan pendekatan audit tertentu adalah penting dalam memberikan kejelasan tentang penggunaannya. Antara perkara-perkara yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- Penggunaan dua kematanan;
- Menggalakkan ujian audit substantif yang mana berkemungkinan mengabaikan kefahaman berkenaan kawalan proses pelanggan; dan
- Pergantungan terhadap prosedur audit yang dijalankan ke atas baki kunci kira-kira untuk menangani penegasan utama bagi butiran dalam penyata pendapatan.

PEMERHATIAN UTAMA DARIPADA SEMAKAN PERINGKAT FIRMA TERHADAP FIRMA AUDIT UTAMA

Ketekalan prestasi tugas dan keberkesanan rangka kerja kebertanggungjawaban firma

Secara umum, Firma Audit Utama perlu mentadbir kumpulan rakan kongsi audit yang lebih besar termasuk di pejabat-pejabat cawangan dan mengurus tingkah laku setiap rakan kongsi audit individu adalah lebih mencabar disebabkan perbezaan dalam karakter individu, nilai, keutamaan dan kesanggupan mengambil risiko.

Untuk memacu tingkah laku dan amalan yang betul, Firma Audit Utama telah melaksanakan sistem ganjaran berdasarkan pencapaian matlamat prestasi yang ditetapkan. Firma Audit Utama juga telah memperkenalkan satu rangka kerja kebertanggungjawaban untuk menjadikan rakan kongsi audit bertanggungjawab ke atas kelemahan yang berkaitan dengan kualiti audit yang dikenal pasti oleh penyemak luaran dan dalaman. Rangka kerja kebertanggungjawaban memperkenalkan langkah-langkah punitif yang boleh dikenakan ke atas rakan kongsi audit. Beberapa contoh ialah penalti kewangan, penyingkiran daripada tugas audit, dikenakan keperluan latihan tambahan dan dalam senario paling buruk, disingkir daripada perkongsian itu.

AOB bimbang dengan peningkatan bilangan tugas yang diperiksa memiliki kelemahan ketara pada tahun 2014 berbanding dengan tahun sebelumnya. Bagi sesetengah Firma Audit Utama, AOB mendapati bahawa ketekalan prestasi tugas antara rakan audit masih menjadi isu termasuk juga di cawangan-cawangan. Oleh itu, untuk memastikan kualiti dan ketekalan prestasi tugas dalam kalangan rakan kongsi audit dalam Firma Audit Utama, adalah penting bagi Firma Audit Utama untuk menilai semula keberkesanan rangka kerja kebertanggungjawaban mereka yang sedia ada untuk menggalakkan tingkah laku profesional dan amalan yang betul dalam kalangan rakan kongsi audit.

Satu rangka kerja kebertanggungjawaban yang kukuh dan efektif adalah kritikal untuk memupuk tingkah laku dan kualiti yang betul dalam rakan kongsi audit. Untuk menghasilkan rangka kerja kebertanggungjawaban yang efektif, firma perlu:

- Mewujudkan kesedaran tentang jenis langkah-langkah punitif dan keadaan yang boleh mencetuskan pelaksanaan langkah itu;
- Mewujudkan langkah-langkah punitif yang cukup serius sebagai penghalang yang kuat; dan
- Konsisten dalam penguatkuasaan rangka kerja tersebut.

Kerapian dalam penilaian untuk penerimaan pelanggan audit dan tugas audit baharu

Walaupun Firma Audit Utama telah membentuk polisi dan prosedur yang jelas berkaitan dengan penilaian untuk penerimaan pelanggan audit dan tugas audit baharu, AOB mendapati banyak keadaan yang mana proses ini tidak dipatuhi. Beberapa pemerhatian utama adalah seperti berikut:

- Kejadian yang mana kelulusan yang berkenaan tidak diperolehi selaras dengan dasar-dasar firma;
- Kejadian yang mana kelulusan bagi penerimaan pelanggan audit dan tugas baharu telah diberikan sebelum selesai pemeriksaan kelulusan profesional dan prosedur untuk menilai pematuhan dengan dasar kebebasan firma itu; dan
- Kejadian yang mana kelulusan bagi penerimaan pelanggan dan tugas baharu diperolehi pada masa yang tidak sesuai kerana ia berlaku selepas surat persetujuan untuk bertindak telah dikeluarkan kepada PIE atau selepas pelantikan firma sebagai juruaudit PIE.

Firma audit diingatkan agar mematuhi dan menggunakan proses penerimaan pelanggan dan tugas yang sesuai. Firma-firma harus beringat bahawa proses-proses ini telah dilaksanakan sebagai mekanisme utama untuk melindungi firma dan membantu mereka dalam mengenal pasti risiko yang berkaitan dengan bakal pelanggan dan tugas. Oleh itu, proses-proses tersebut tidak boleh dipandang ringan dan dilihat hanya sebagai beban pentadbiran.

Kebebasan dan etika

AOB mendapati kejadian yang mana keperluan penggiliran lima tahun dalam Undang-undang Kecil MIA (Tentang Etika Profesional, Tatalaku dan Amalan) (Undang-undang Kecil MIA) yang melibatkan EQCR telah dilanggar. Dalam semua kes, Firma Audit Utama yang terjejas mengesan pelanggaran sebelum pemeriksaan AOB dan EQCR kedua telah ditugaskan oleh firma untuk melaksanakan semula kerja-kerja yang dilakukan oleh EQCR yang pertama. Walaupun ini akan mengurangkan risiko ancaman biasa, mempunyai dua EQCR adalah sangat tidak cekap dan akan menyebabkan firma menanggung kos masa yang boleh dielakkan.

Pematuhan dengan keperluan kebebasan dan etika mencerminkan keupayaan juruaudit menegakkan integriti, objektiviti dan tingkah laku profesional, yang menjadi asas dalam melaksanakan sesuatu audit. Firma audit diingatkan untuk melaksanakan langkah-langkah yang berkaitan bagi memastikan bahawa keperluan penggiliran rakan kongsi audit dipatuhi pada setiap masa.

Proses perundingan

Budaya perundingan digalakkan di Firma Audit Utama. Ini disokong oleh polisi yang jelas tentang perundingan dan rangka kerja perundingan yang ditubuhkan. Dari pemeriksaan yang dijalankan AOB mendapati bahawa walaupun perundingan telah dilakukan untuk beberapa tugas, beberapa penambahbaikan seperti berikut masih perlu diusahakan:

- Masa perundingan perlu diurus dengan lebih baik. Perundingan yang dibuat dengan kumpulan teknikal perlu dilakukan awal semasa pengauditan dan bukan di penghujung pengauditan;
- Dokumentasi yang lebih mantap perlu dikekalkan untuk menyokong pandangan firma mengenai perkara-perkara kompleks yang dibincangkan; dan
- Pandangan yang diterima pakai atau kesimpulan yang dicapai perlu padu dan konsisten dengan pandangan profesion audit.

Perundingan mengenai perkara-perkara yang sukar dan bertikaian adalah penting untuk mengurangkan risiko pendapat audit yang tidak sesuai diberikan oleh firma. Oleh itu, adalah penting bagi proses perundingan dijalankan dengan betul, diluluskan mengikut polisi firma dan dokumentasi yang mantap dikekalkan dalam fail kerja audit.

Pengumpulan fail akhir tugas

Semasa pemeriksaan Firma Audit Utama, AOB menghadapi keadaan yang mana dokumentasi audit yang utama tidak disertakan dalam fail akhir tugas audit. Dokumentasi audit utama yang tidak dimasukkan dalam pengumpulan fail akhir tugas akan menjadi cabaran kepada pasukan tugas audit untuk kemudiannya menyokong kesimpulan yang dicapai semasa pengauditan. Di samping itu, AOB mendapati bahawa semakin rangkaian yang melibatkan satu Firma Audit Utama juga mengenal pasti bahawa komponen penting sebuah syarikat awam tersenarai tidak dikumpulkan tepat pada masanya.

Firma seharusnya mengukuhkan lagi mesej tentang kepentingan memastikan semua dokumentasi audit yang berkaitan dikumpulkan dengan lengkap dan tepat pada masanya. Kebertanggungjawaban yang jelas perlu diwujudkan untuk menggalakkan pematuhan ketat dengan polisi dan prosedur pengumpulan fail firma.

Keberkesanan pemantauan sistem kawalan kualiti firma

Selain semakan tahunan fail lama, beberapa Firma Audit Utama juga telah memperkenalkan semakan semasa. Semakan terkini dilakukan ketika tugas audit sedang berlangsung dan sebelum pengeluaran laporan audit. Semakan semasa adalah satu cara bagi firma untuk memantau pelaksanaan pelbagai inisiatif penambahbaikan dan untuk membolehkan pengesanan awal dan pemulihan kelemahan dalam pelaksanaan audit.

AOB masih mendapati banyak kekurangan yang ketara dalam tugas yang telah diperiksa. AOB juga menemui keadaan yang tidak konsisten dalam kualiti prestasi tugas antara ibu pejabat Malaysia beberapa buah Firma Audit Utama dan cawangan mereka di seluruh negara yang berkemungkinan berpunca daripada kurang pengawasan, pemantauan dan kawalan ke atas cawangan oleh ibu pejabat berkenaan.

Oleh itu, Firma Audit Utama perlu memastikan bahawa proses pemantauan mereka adalah ketat dan keberkesanannya dinilai secara berterusan bagi memastikan bahawa kualiti audit diamalkan di seluruh firma itu.

Untuk menjadikan semakan tugas efektif, firma perlu memastikan masa dan sumber yang mencukupi telah diperuntukkan untuk tujuan ini. Di samping itu, penyemak perlu mempunyai pengetahuan teknikal dan industri yang kukuh.

PEMERHATIAN UTAMA DARIPADA SEMAKAN PERINGKAT FIRMA TERHADAP FIRMA AUDIT LAIN

Menetapkan nada pengurusan tertinggi yang betul

AOB mendapati beberapa perkembangan yang menggalakkan di kalangan Firma Audit Lain. Sebagai contoh, ketua sebuah firma kecil telah mengambil inisiatif untuk berbincang dengan firma-firma yang telah diperiksa oleh AOB untuk mengenal pasti peluang penambahbaikan. Sebuah firma lain yang telah diperiksa sebelum ini dan didapati mempunyai kelemahan ketara, telah menjalani perubahan kepimpinan. Seterusnya, dengan sokongan rakan pengurusan yang baru, sumber khusus telah digunakan untuk memacu peningkatan kualiti.

Walaupun bagaimanapun, nada pengurusan dalam beberapa Firma Audit Lain masih boleh diperbaiki lagi. AOB mendapati bahawa walaupun majoriti daripada firma yang telah diperiksa telah melaksanakan satu proses untuk menilai prestasi rakan kongsi audit, tiada perkaitan yang jelas dan langsung di antara prestasi berkualiti dan ganjaran rakan kongsi audit. Ganjaran lebih cenderung ditentukan melalui keuntungan perniagaan. Oleh itu, proses penilaian prestasi rakan kongsi audit mungkin tidak menyediakan insentif yang mencukupi untuk memupuk tingkah laku berorientasikan kualiti di kalangan rakan kongsi audit.

Firma perlu menetapkan nada yang betul dan menunjukkan kesungguhan untuk memupuk budaya berorientasikan kualiti dengan memastikan prestasi audit berkualiti tinggi sentiasa diiktiraf dalam penilaian prestasi, ganjaran dan kenaikan pangkat rakan kongsi audit dan kakitangan.

Proses penerimaan pelanggan dan tugas

Beberapa Firma Audit Lain menyedari kecekapan dan keupayaan mereka dan dengan itu, tidak berminat untuk menambah bilangan pelanggan PIE mereka. Sebaliknya, terdapat beberapa firma yang agresif dalam mengembangkan bilangan pelanggan PIE mereka dan beberapa daripadanya dicapai melalui penggabungan. Dalam hal ini, Firma Audit Lain diingatkan untuk melaksanakan ketelitian yang mencukupi dalam proses penilaian penerimaan dan menyedari akan risiko audit yang mendasari atau isu-isu yang mungkin tidak ketara pada permulaan. Dalam memutuskan sama ada untuk menerima pelanggan audit baru, pertimbangan yang sewajarnya perlu diberi ke atas risiko yang mungkin, kapasiti, kecekapan, yuran audit dan keupayaan firma untuk mematuhi keperluan etika yang berkaitan.

Dalam usaha mereka untuk meningkatkan pendapatan firma seharusnya tidak mendapatkan perniagaan tanpa memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada kos sebenar dan risiko audit yang terlibat untuk menjalankan audit yang berkualiti.

Penekanan kepada latihan

AOB mendapati bahawa latihan mengenai perubahan terbaru kepada piawaian perakaunan tidak dilakukan oleh sesetengah Firma Audit Lain. Di samping itu, terdapat juga firma yang gagal untuk memantau kehadiran kakitangan mereka di sesi latihan. Oleh itu, terdapat risiko bahawa kakitangan yang belum menghadiri latihan yang berkaitan diberi tugas audit sebelum memperolehi pengetahuan dan set kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan kerja audit mereka dengan berkesan, selaras dengan piawaian profesional.

Keputusan kaji selidik anjuran bersama AOB dan Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA) pada tahun 2012 yang bertajuk 'Mengoptimumkan Bakat di Firma Perakaunan' mendedahkan bahawa keluk pembelajaran yang curam adalah salah satu faktor utama pengekalan bakat. Firma seharusnya menyedari peranan penting latihan bukan sahaja untuk meningkatkan kecekapan kakitangan untuk melaksanakan audit berkualiti tetapi juga sebagai saranan nilai firma untuk mengekalkan kakitangan. Sesi latihan yang dijalankan perlu merangkumi bukan sahaja perakaunan dan pengauditan tetapi latihan kemahiran insaniah.

Prestasi tugas

AOB menemui kelemahan berikut dalam polisi dan prosedur berkaitan dengan unsur ISQC 1 prestasi tugas Firma Audit Lain:

- **Metodologi audit dan program kerja audit Firma**
AOB menemui kes-kes yang mana manual audit yang telah lapuk, senarai semak penzahiran piawaian perakaunan yang telah lapuk, dan lembaran kerja pensampelan yang digunakan untuk ujian substantif tidak memenuhi kehendak ISA.
- **Perundingan**
AOB mendapati bahawa beberapa firma mempunyai dasar yang mengkehendaki perundingan untuk 'isu-isu penting, sukar dan membabitkan pertikaian'. Walau bagaimanapun, firma-firma ini tidak memberikan definisi atau panduan mengenai apa yang dimaksudkan sebagai 'isu penting, sukar dan membabitkan pertikaian'. Ini menimbulkan kebimbangan bahawa pasukan audit mungkin tidak dibimbing dengan baik mengenai perkara-perkara yang perlu dimajukan ke perundingan. Dalam contoh lain, AOB mendapati bahawa perundingan dijalankan secara tidak rasmi dan tidak didokumenkan. Ini tidak mematuhi kehendak-kehendak ISQC 1 dan ISA yang mengkehendaki sifat perundingan, skop dan kesimpulan yang dicapai didokumenkan.

- **Pengumpulan fail tugas akhir**

Sesetengah firma belum mewujudkan prosedur bagi pengumpulan fail akhir tugas audit dalam tempoh 60 hari dari tarikh laporan audit. Bagi kes yang mana telah ada polisi dan prosedur untuk pengumpulan fail, AOB menemui ketidakpatuhan, iaitu fail tugas audit hanya disiapkan selepas 60 hari dari tarikh laporan audit.

- **Kerahsiaan dokumentasi tugas**

Semasa pemeriksaan, AOB mendapati kejadian yang mana tidak ada prosedur yang ditetapkan untuk pelupusan wajar fail tugas audit pada akhir tempoh simpanan bagi melindungi kerahsiaan dokumentasi tugas. Terdapat juga satu contoh yang mana bilik simpanan fail dikongsi dengan entiti perniagaan lain. Ini menimbulkan kebimbangan bahawa kakitangan bukan audit mungkin boleh mengakses fail tugas.

Firma perlu memulakan proses untuk menjalankan semakan berkala ke atas metodologi audit mereka bagi memastikan mereka mengikuti piawaian pengauditan dan perakaunan yang terbaru. Proses perundingan perlu dipertingkatkan dan kerapian dokumentasi perlu ditekankan kepada pasukan audit. Di samping itu, firma juga perlu memastikan bahawa fail tugas audit disiapkan menurut masa yang ditetapkan dan kerahsiaan dokumentasi tugas dilindungi.

Pemantauan polisi dan prosedur kawalan kualiti

AOB masih menemui jurang dalam beberapa pemantauan Firma Audit Lain ke atas sistem kawalan kualiti mereka seperti yang dinyatakan di bawah:

- Semakan tahap firma dan tugas tidak dilakukan walaupun dikehendaki oleh polisi dan prosedur firma itu;
- Prosedur pemantauan terhad kepada semakan tugas sahaja. Tidak ada keperluan dalam dasar firma untuk pelaksanaan semakan peringkat firma untuk menilai sama ada sistem kawalan kualiti firma beroperasi secara berkesan; dan
- Semakan AOB ke atas satu tugas yang tertakluk kepada semakan pemantauan dalaman oleh firma itu sendiri menunjukkan bahawa semakan firma tidak cukup kuat dan tegas.

Firma-firma diingatkan agar memastikan proses pemantauannya dibangunkan dengan sewajarnya dan dilaksanakan dengan berkesan memandangkan ia penting dalam menyediakan jaminan yang munasabah bahawa polisi dan prosedur firma yang berkaitan dengan sistem kawalan kualiti adalah relevan, mencukupi dan beroperasi dengan berkesan.

PEMERHATIAN UTAMA DARIPADA SEMAKAN PERINGKAT TUGASAN TERHADAP FIRMA AUDIT UTAMA DAN FIRMA AUDIT LAIN

Aktiviti pemeriksaan kekal penting dalam memupuk pengauditan bebas PIE yang berkualiti tinggi dan menggalakkan integriti profesion pengauditan. Walaupun firma komited untuk mencapai kualiti audit, bidang audit tertentu terus menjadi cabaran kepada kedua-dua Firma Audit Utama dan Firma Audit Lain.

Keberkesanan proses semakan kawalan kualiti tugas

EQCR menyediakan prosedur semak dan imbang kepada proses audit melalui penilaian bebas dan objektifnya ke atas bidang pertimbangan utama dan perkara-perkara yang penting dan penilaian sama ada prosedur audit yang berkaitan dan dokumentasi menyokong kesimpulan yang dicapai. Dalam hal ini, AOB mempunyai kebimbangan terhadap keberkesanan proses semakan kawalan kualiti tugas akibat daripada kekurangan yang dikenal pasti oleh AOB meliputi tugas bagi Firma Audit Utama dan Firma Audit Lain. Ini mungkin kerana EQCR kekurangan pengetahuan relevan mengenai industri, masa tidak mencukupi ketika tugas audit dijalankan serta kurang penglibatan mereka sepanjang tempoh tugas audit.

Keberkesanan sesuatu proses semakan kawalan kualiti tugas bergantung kepada kecekapan penyemak, ketepatan masa dan tahap penglibatan dalam tugas audit. Oleh itu, EQCR diingatkan mengenai tugas profesional mereka untuk menggunakan keraguan profesional yang sewajarnya dan memberi cabaran yang relevan kepada bidang pertimbangan utama dan perkara-perkara penting.

Walaupun rakan-rakan kerja audit bertanggungjawab besar ke atas prestasi kerja audit, ini tidak mengecualikan EQCR daripada tanggungjawab bersama sekiranya berlaku kegagalan audit. Oleh itu, firma digalakkan untuk mewujudkan satu rangka kerja kebertanggungjawaban bagi penyemak untuk memastikan ketelitian dan ketekunan wajar telah dilaksanakan.

Kelemahan lazim bagi Firma Audit Utama dan Firma Audit Lain

Berikut adalah kelemahan ketara yang lazim yang ditemui dalam Firma Audit Utama dan Firma Audit Lain:

- Kemerosotan nilai aset;
- Pengauditan inventori
- Pensampelan

Selain pengauditan inventori, dua lagi kelemahan di atas telah dinyatakan oleh AOB dalam tahun-tahun sebelumnya. Perulangan isu dalam dua perkara ini menimbulkan kebimbangan mengenai keberkesanan usaha firma dalam menangani punca sebenar kelemahan ini.

Kemerosotan nilai aset

Pemerhatian lazim yang diperhatikan daripada pemeriksaan AOB dalam tahun 2014 adalah seperti berikut:

- Petunjuk rosot nilai tidak dikenal pasti dan ditangani;
- Aset seperti aset tak ketara dengan hayat guna tanpa batasan, tidak tertakluk kepada penilaian kemerosotan nilai tahunan;
- Kurang pengesanan dan cabaran terhadap andaian pengurusan yang digunakan dalam unjuran aliran tunai mereka; dan
- Pergantungan tidak wajar dan kurang skeptisisme profesional terhadap representasi pengurusan.

AOB terus menemui pemerhatian dalam hal ini terutamanya semasa semakan tugas dengan persekitaran yang kompleks yang membawa risiko kemerosotan nilai aset yang lebih tinggi. Contoh risiko kemerosotan nilai aset yang lebih tinggi termasuk entiti yang kerugian dan entiti dengan perolehan aset yang rendah berbanding dengan purata industri. AOB mengetengahkan pemerhatian di atas di dalam laporan tahunan sebelum ini yang mana AOB mengulangi bahawa juruaudit perlu menilai secara kritikal nilai-sedang-digunakan aliran tunai yang disediakan oleh pihak pengurusan bagi tujuan menguji kemerosotan nilai. Firma harus mencabar secara profesional andaian utama yang digunakan seperti ramalan volum jualan, harga jualan, kos dan kadar diskaun yang digunakan berdasarkan iklim ekonomi semasa dan bukannya mencari justifikasi untuk menyokong andaian pihak pengurusan. Juruaudit perlu menjalankan ujian tekanan terhadap pengiraan nilai-sedang-digunakan, termasuk melaksanakan analisis sensitiviti yang mencukupi dengan tahap skeptisisme profesional yang wajar.

Ketika menyemak unjuran aliran tunai yang disediakan oleh pelanggan audit, firma diingatkan tentang keperluan untuk meningkatkan skeptisisme profesional dalam mempersoalkan kebolehpercayaan bukti yang digunakan serta mencabar secara kritikal andaian yang digunakan untuk menyokong penilaian rosot nilai. Jika hanya 'sedikit lebihan' dilihat untuk menyokong jumlah yang boleh diperolehi, risiko salah nyata ketara adalah tinggi.

Pengauditan inventori

AOB memeriksa beberapa PIE yang terlibat dalam aktiviti perkilangan dan perdagangan. PIE tersebut biasanya akan menyimpan tahap inventori yang agak tinggi. Pemerhatian lazim yang diperolehi adalah seperti berikut:

- Kegagalan untuk menangani kewujudan dan penilaian beberapa jenis inventori;
- Ujian yang tidak sesuai untuk model penentuan kos yang diguna pakai oleh PIE;
- Penilaian yang tidak mencukupi ke atas keusangan dan inventori yang bergerak perlahan;
- Perbezaan di antara rekod inventori akhir dan sampel kiraan fizikal tidak disiasat; dan
- Ujian ke atas butiran berdasarkan laporan yang tidak diuji untuk kebolehpercayaan dan ketepatan.

Majoriti penemuan di atas berleluasa dalam Firma Audit Lain akibat daripada kurang ketegasan dalam prosedur perancangan dan penilaian risiko untuk memahami dan menilai tahap bukti yang sesuai yang diperlukan untuk prosedur audit yang dicadangkan. Untuk Firma Audit Utama, terdapat kekurangan dari segi pelaksanaan dan semakan prosedur audit yang direka terutamanya bagi ujian penilaian serta keusangan inventori. Terdapat juga keadaan di pergantungan kepada laporan penentuan kos yang disediakan oleh pihak pengurusan dilakukan tanpa pengesahan lanjut.

Bergantung kepada jenis entiti perniagaan, inventori boleh menjadi baki akaun berisiko tinggi. Prosedur audit yang direka oleh firma berkaitan inventori perlu mengambil kira:

- Pemahaman mengenai operasi perniagaan dan permintaan pasaran terhadap produk entiti;
- Pemahaman mengenai pembangunan industri dan perubahan iklim ekonomi yang memberi kesan kepada entiti; dan
- Memahami proses pengurusan untuk mengenal pasti inventori yang bergerak perlahan termasuk sifat inventori untuk menilai keusangan inventori.

Pensampelan

Pemerhatian lazim yang diperolehi daripada pemeriksaan AOB dalam tahun 2014 adalah seperti berikut:

- Asas pensampelan yang tidak sesuai;
- Kemungkinan pengecualian daripada sampel ujian tidak dikenal pasti dan dinilai dengan betul;

- Unjuran kemungkinan salah nyata yang tidak betul; dan
- Populasi tidak diuji

AOB masih mendapati wujud kecenderungan firma tertentu untuk memilih sampel ujian berdasarkan kepada paras kewangan dengan menggunakan kematangan yang ditetapkan untuk tugas audit. Memandangkan asas pemilihan tidak mewakili populasi yang diuji, keputusan ujian item khusus sedemikian tidak boleh digunakan untuk mengunjurkan ke seluruh baki populasi yang tidak diuji. Akibatnya, disebabkan oleh kekurangan ujian substantif lain atau ujian ke atas kawalan yang berkaitan dilakukan, juruaudit itu tidak akan mampu untuk mengesahkan kesesuaian baki populasi yang tidak diuji.

AOB mendapati bahawa walaupun banyak metodologi yang menyokong dari segi panduan pensampelan yang berkaitan (termasuk alat pensampelan berkomputer), masih terdapat kejadian yang mana asas pensampelan yang digunakan kurang jelas, misalnya dalam menetapkan bilangan minimum atau maksimum sampel untuk ujian tersebut.

Pertimbangan utama pensampelan menurut ISA 530 *Pensampelan Audit*:

- Firma perlu mengambil kira ciri-ciri populasi, yang daripadanya sampel akan diambil;
- Item sampel dipilih dengan cara yang membolehkan setiap unit pensampelan mempunyai peluang pemilihan;
- Firma hendaklah menyiasat sifat dan punca sebarang pelencongan atau salah nyata yang dikenal pasti dan menilai kesan yang mungkin ke atas bidang audit lain; dan
- Untuk salah nyata yang dikenal pasti semasa pelaksanaan ujian perincian, firma hendaklah mengunjurkan salah nyata yang ditemui dalam sampel populasi

Kelemahan lazim Firma Audit Utama

Untuk Firma Audit Utama, majoriti pemilihan tugas AOB kebanyakannya melibatkan PIE yang beroperasi dalam persekitaran yang kompleks dan canggih seperti perbankan, konglomerat dan aktiviti kontrak pembinaan pelbagai. Berikut adalah kelemahan penting yang sama diperhatikan bagi Firma Audit Utama:

- Ujian kawalan, yang mempunyai kesan ke atas pengiktirafan pendapatan;
- Kebolehpercayaan maklumat yang diberikan oleh pakar-pakar pengurusan; dan
- Audit kumpulan.

Ujian kawalan

Pemerhatian yang diperolehi daripada pemeriksaan AOB dalam tahun 2014 adalah seperti berikut:

- Penegasan utama tidak ditangani dalam ujian yang dijalankan;
- Sampel yang dipilih ada pendua atau tidak dapat diuji tetapi tidak digantikan, mengakibatkan sampel yang diuji tidak cukup untuk mencapai objektif ujian;
- Kelengkapan populasi untuk tujuan pemilihan sampel tidak ditangani;
- Kawalan disimpulkan sebagai tidak berkesan tetapi telah disalah gunakan sebagai berkesan apabila melakukan ujian perincian; dan
- Pengecualian daripada sampel ujian tidak dikenal pasti dan dinilai dengan betul.

AOB mendapati beberapa kejadian yang mana prosedur yang direka untuk ujian kawalan baki akaun utama tidak mewakili prestasi sebenar atau berkaitan secara langsung dengan penegasan. Untuk tugas tertentu, terdapat kejadian sampel pendua atau sampel tidak sah yang tidak diganti. Akibatnya, bilangan efektif sampel yang diuji tidak mencukupi untuk mencapai objektif yang dikehendaki.

AOB merasa bimbang dengan Firma tertentu yang meletakkan kebergantungan tahap tinggi kepada proses kawalan seluruh kumpulan PIE. Ini mengakibatkan kurang ujian substantif dilakukan ke atas baki akaun material tertentu atau urusan niaga yang mana risiko yang diberikan adalah rendah. AOB mengingatkan Firma agar mematuhi keperluan ISA 330 *Tindak Balas Juruaudit kepada Risiko yang Ditaksir* mengenai prosedur substantif yang mana tanpa menghiraukan risiko salah nyata ketara yang dinilai, juruaudit mempunyai tanggungjawab untuk mereka bentuk dan melaksanakan prosedur substantif bagi setiap kelas baki akaun, urusan niaga, dan penzahiran yang material.

Jika firma menggunakan juruaudit teknologi maklumat untuk melaksanakan semakan dan ujian ke atas bidang utama berkaitan IT untuk membolehkan entiti perniagaan bergantung kepada ujian kawalan, penyelarasan dan komunikasi berkesan antara kedua-dua juruaudit kewangan dan juruaudit IT adalah sangat penting untuk mencapai objektif audit yang diinginkan.

Kebolehpercayaan maklumat yang diberikan oleh pakar-pakar pengurusan

Pemerhatian yang diperolehi daripada pemeriksaan AOB dalam tahun 2014 adalah seperti berikut:

- Tiada penilaian ke atas kecekapan, keupayaan dan objektiviti pakar;
- Kurang faham mengenai kerja pakar dan kaitan dengan kaedah yang digunakan; dan
- Penilaian ke atas kesesuaian dan kecukupan kerja pakar tidak mencukupi.

Kecenderungan juruaudit untuk bergantung kepada kerja pakar biasanya bergantung kepada kerumitan perniagaan entiti. Sebagai contoh, apabila pergantungan diletakkan pada kerja yang dilakukan oleh penilai profesional, AOB mendapati bahawa sesetengah Firma tidak menilai kecekapan, keupayaan dan objektiviti pakar tersebut. Selanjutnya, terdapat kekurangan bukti sokongan dan kejelasan serta kekaburan mengenai kerelevanan kaedah dan andaian yang digunakan oleh pakar untuk mencapai amaun penilaian. Akibatnya, tidak ada prosedur audit yang dijalankan untuk menilai kesesuaian amaun penilaian yang diberikan oleh penilai. Firma perlu mengambil kira sama ada ia perlu berbincang dan berkomunikasi dengan penilai berkenaan untuk memahami dan merasa selesa dengan kaedah yang digunakan oleh penilai profesional.

Berdasarkan ISA 500 *Bukti Audit*, yang mana pergantungan dibuat menggunakan kerja-kerja pakar pengurusan, juruaudit dikehendaki untuk melaksanakan:

- Menilai kecekapan, keupayaan dan objektiviti pakar tersebut;
- Mendapatkan pemahaman mengenai kerja-kerja pakar tersebut; dan
- Menilai kesesuaian kerja pakar tersebut sebagai bukti audit bagi penegasan yang berkaitan.

Audit Kumpulan

Pemerhatian yang diperolehi daripada pemeriksaan AOB dalam tahun 2014 adalah seperti berikut:

- Kerja-kerja yang dilakukan oleh juruaudit komponen tidak dinilai dengan secukupnya, termasuk kecenderungan untuk bergantung kepada kerja-kerja yang dilakukan oleh juruaudit komponen, terutamanya apabila juruaudit komponen tersebut adalah dari rangkaian Firma tempatan itu sendiri;
- Ketekalan dalam penggunaan prosedur audit terancang oleh juruaudit komponen;
- Kurang susulan ke atas perkara-perkara yang diketengahkan kepada juruaudit komponen semasa semakan kertas kerja juruaudit komponen; dan
- Kurang susulan ke atas boleh-serah laporan yang dikehendaki oleh juruaudit kumpulan

AOB bimbang terhadap penyelarasan dan komunikasi berkesan di antara juruaudit kumpulan dan juruaudit komponen terutamanya jika juruaudit komponen bukan daripada rangkaian firma yang sama. Sebaliknya, apabila juruaudit komponen adalah dari rangkaian yang sama, terdapat kecenderungan dalam kalangan juruaudit kumpulan untuk semata-mata bergantung kepada kerja-kerja yang dilakukan tanpa penilaian lanjut mengenai kecukupan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh juruaudit komponen.

Cabaran utama:

- Pengauditan komponen yang menetap dalam bidang kuasa tertentu menjadi lebih sukar kerana pihak berkuasa yang berkenaan menguatkuasakan keperluan yang lebih ketat yang akan mengenakan halangan yang lebih besar untuk memperolehi dan menyimpan maklumat entiti; dan
- Menangani tempoh perantaraan apabila pengauditan komponen dengan tahun akhir kewangan yang berbeza boleh menyebabkan ketidakcekapan audit kerana kerjasama daripada juruaudit komponen mungkin tidak mudah diperolehi.

Kelemahan lazim Firma Audit Lain

Untuk Firma Audit Lain, kekurangan ketara yang diperhatikan dalam bidang audit ialah:

- Pengiktirafan hasil;
- Pembentangan dan penzahiran; dan
- Pengesahan pihak ketiga.

Pengiktirafan hasil

Pemerhatian lazim yang diperolehi daripada pemeriksaan adalah seperti berikut:

- Penilaian ke atas potensi risiko yang timbul daripada hasil dan pembelian yang dibuat dari pihak kontrak yang sama tidak mencukupi;
- Prosedur analisis substantif tidak dilakukan mengikut keperluan ISA; dan
- Kelemahan dalam pelaksanaan prosedur pemotongan pendapatan

AOB mendapati penilaian untuk menilai hasil dan transaksi perolehan tertentu yang penting, yang dimeterai dengan pihak kontrak yang sama, yang mana ia mungkin mengandungi perhubungan prinsipal-ejen, kurang dijalankan. Bagi urusan niaga tertentu yang dinilai dalam audit tahun sebelumnya, Firma perlu memastikan bahawa penilaian dibawa ke hadapan dengan betul untuk menjadi sebahagian daripada kertas kerja audit tahun semasa. Di samping itu, Firma perlu mempertimbangkan untuk menilai semula penilaian mereka untuk menentukan kerelevanan berterusan kesimpulan yang dicapai pada masa lalu.

Menggunakan semakan analisis substantif sebagai prosedur utama yang memenuhi keperluan ISA 520 *Prosedur Analisis* kekal sebagai satu cabaran. Bagi Firma lain, AOB terus memerhatikan bahawa semakan analitikal yang substantif telah dijalankan dalam bentuk analisa varians yang terhad untuk membandingkan angka tahun semasa dengan tahun sebelumnya.

ISA 240 *Tanggungjawab Juruaudit Berkaitan dengan Penipuan dalam Pengauditan Penyata Kewangan* menyatakan bahawa juruaudit perlu menilai jenis hasil yang berkaitan, urus niaga hasil atau penegasan yang mengandungi risiko salah nyata material berdasarkan anggapan bahawa terdapat risiko penipuan dalam pengiktirafan hasil. Jika juruaudit membuat kesimpulan bahawa risiko salah nyata yang ketara disebabkan oleh penipuan tidak diguna pakai, kesimpulannya perlu disokong dengan betul dan didokumenkan dalam kertas kerja.

Pembentangan dan penzahiran

Pemerhatian yang diperhatikan daripada pemeriksaan:

- Tidak mematuhi keperluan penzahiran Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) yang berkaitan; dan
- Item utama pembentangan dan penzahiran di dalam penyata kewangan yang telah diaudit tidak disahkan dan dinilai, yang membawa kepada pembentangan dan pendedahan yang tidak betul.

Satu isu yang berterusan ialah kekurangan prosedur audit yang dijalankan untuk menangani penegasan pembentangan dan penzahiran baki akaun utama tertentu atau kelas transaksi.

Berikut adalah bidang penzahiran khusus dalam penyata kewangan yang telah diperhatikan sebagai sebahagian daripada penemuan AOB:

- Kesesuaian penzahiran maklumat mengenai pelanggan utama menurut MFRS 8 *Segmen Operasi*;
- Kesesuaian analisis klasifikasi umur untuk aset kewangan yang sama ada lampau tempoh tidak terjejas atau terjejas secara individu pada akhir tahun mengikut MFRS 7 *Instrumen Kewangan: Penzahiran*;
- Pengimbangan aset dan liabiliti yang sesuai menurut MFRS 101 *Pembentangan Penyata Kewangan* dan MFRS 132 *Instrumen Kewangan: Pembentangan*; dan
- Penzahiran yang sesuai bagi nilai saksama bagi hartanah pelaburan dibawa pada model kos menurut MFRS 140 *Hartanah Pelaburan*.

Pengesahan pihak ketiga

Pemerhatian yang diperolehi daripada pemeriksaan adalah seperti berikut:

- Kurang tindakan susulan kepada respons pengesahan audit pihak ketiga;
- Pergantungan kepada pengesahan secara salinan fotokopi, imbasan dan penghantaran

- faksimili tanpa pengesahan lanjut kebolehppercayaan; dan
- Penilaian potensi salah nyata yang dikenal pasti berdasarkan jawapan pengesahan tidak mencukupi.

AOB berasa sangat bimbang tentang pemerhatian ke atas pengesahan pihak ketiga terutamanya bagaimana Firma tertentu mengurus dan mengekalkan kawalan ke atas permintaan pengesahan luaran. Walaupun terdapat prosedur alternatif dilakukan jika tiada pengesahan, dalam kebanyakan kes, prosedur tersebut tidak semestinya menangani objektif penegasan yang diinginkan.

Pertimbangan utama untuk memastikan keberkesanan prosedur pengesahan:

- Pengesahan diedar awal kepada pihak ketiga;
- Susulan yang tepat pada masanya dilakukan kepada respons pengesahan yang belum diterima;
- Penilaian yang tepat pada masanya dilakukan ke atas percanggahan mungkin atau item yang belum disesuaikan dari jawapan pengesahan; dan
- Mewujudkan dokumentasi berstruktur mengenai pengedaran dan proses susulan yang dilakukan untuk permintaan pengesahan.

PEMULIHAN

Kemajuan keseluruhan

AOB mendapati bahawa bilangan penemuan berulang di lima daripada tujuh firma yang diperiksa semula telah berkurangan. Ini adalah satu perkembangan positif yang telah disemai hasil daripada pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh firma tersebut selama beberapa tahun kebelakangan.

Sesetengah daripada firma yang lebih besar terus menekankan beban kerja rakan sebagai punca sebenar kelemahan yang dikenal pasti oleh AOB semasa pemeriksaan firma itu. Beban kerja rakan kongsi audit berpunca daripada bilangan rakan kongsi audit yang terhad yang memberi khidmat kepada lebih ramai pelanggan PIE dan tumpuan kepada PIE yang mempunyai akhir tahun kewangan yang sama. Kesan turutannya adalah rakan kongsi audit meluahkan sedikit masa sahaja untuk

menyemak dan menyelia kerja audit. Usaha yang dijalankan oleh firma tersebut untuk menangani isu ini termasuk memperkenalkan rakan audit baru dan menyeimbangkan semula portfolio pelanggan di kalangan rakan-rakan untuk mencapai pengagihan beban kerja yang lebih saksama. Beberapa firma juga menarik diri daripada pelanggan yang menimbulkan risiko di luar toleransi risiko firma itu serta tugas audit pemulihan rendah. Dalam bilangan kecil, beberapa firma telah berjaya meyakinkan beberapa pelanggan PIE mereka untuk menukar akhir tahun kewangan mereka.

Bagi firma yang lebih kecil, masih terdapat keperluan untuk rakan kongsi audit dan kakitangan firma untuk meningkatkan kecekapan teknikal mereka dalam bidang perakaunan dan pengauditan. Usaha yang dijalankan oleh firma kebanyakannya berkaitan dengan latihan dan pemerkasaan metodologi audit dan rangka kerja pemantauan.

Firma perlu menangani punca sebenar kelemahan yang dikenal pasti oleh AOB, bukan hanya memberi tumpuan kepada simptom. Di samping itu, Firma perlu secara berterusan, menilai keberkesanan rancangan pemulihan dan jika berkaitan, mempertingkatkan pelan sewajarnya dalam usaha untuk mengurangkan atau menghapuskan kelemahan yang berulang. AOB mengakui banyak amalan baik yang dijalankan oleh beberapa firma audit yang telah memanfaatkan proses pemantauan dalaman mereka untuk mengesan dan mengukur ketekalan amalan berkualiti dalam syarikat masing-masing.

Pemerhatian berulang

AOB mendapati secara keseluruhan terdapat pengurangan dalam pemerhatian berulang semasa pemeriksaan semakan tugas bagi Firma Audit Utama dan satu Firma Audit Lain pada tahun ini. Pemerhatian berulang yang ditemui adalah seperti berikut:

- Penilaian rosotnilai aset / muhibbah;
- Prosedur pemotongan hasil;
- Pensampelan dan populasi tidak diuji;
- Penggunaan prosedur analisis substantif;
- Susulan ke atas prosedur pengesahan;
- Menguji kebolehppercayaan laporan yang dihasilkan sistem;
- Pengenalpastian dan penilaian pihak berkaitan dan transaksi pihak berkaitan; dan
- Kemasukan bukti-bukti utama dalam kertas kerja audit tidak dibuat mengikut waktu

Walaupun bilangan pemerhatian berulang didapati berkurangan melalui semakan tugas, keberkesanan keseluruhan proses pemulihan dan pemantauan Firma masih membimbangkan AOB. Usaha yang lebih besar dalam komunikasi dan latihan yang berkesan kepada kakitangan yang berkaitan akan mengakibatkan peningkatan bidang ini.

Melangkah ke hadapan, sekiranya Firma gagal

untuk mengambil langkah-langkah pemulihan yang relevan, AOB akan menyiarkan laporan pemeriksaan di media awam.

Punca sebenar

Selama bertahun-tahun, AOB mendapati firma cenderung untuk menyatakan kesilapan dalam dokumentasi sebagai penyebab kelemahan yang dikenal pasti untuk mengurangkan kepentingan perkara tersebut. Seperti yang dilaporkan dalam laporan tahunan tahun sebelumnya, AOB menekankan semula pentingnya bagi firma mengambil tanggungjawab untuk mengenal pasti punca sebenar dan mengakui punca sebenar tersebut untuk membangunkan satu pelan pemulihan yang bermakna. Ketekalan prestasi di kalangan rakan-rakan individu masih merupakan cabaran yang perlu ditangani oleh kepimpinan pelbagai firma untuk menangani keberkesanan tadbir urus polisi dan prosedur.

Analisis AOB mengenai punca sebenar kelemahan audit

Berikut adalah punca sebenar yang masih ditemui, berdasarkan analisis AOB ke atas Firma Audit Utama dan Firma Audit Lain:

- Usaha kepimpinan firma dalam penekanan terhadap kualiti audit tidak mencukupi;
- Kurang penglibatan tepat masa dan penyeliaan dan arahan yang tidak mencukupi daripada rakan kerja audit disebabkan oleh beban kerja rakan kerja audit yang berat;
- Sumber yang tidak mencukupi kerana kadar susutan yang tinggi berterusan;
- Proses pemantauan dan komunikasi firma tidak berkesan;
- Kurang pemahaman tentang perniagaan dan industri pelanggan audit;
- Kurang kecekapan teknikal dalam kedua-dua bidang perakaunan dan pengauditan;

- Kurang penggunaan skeptisisme profesional dalam menggunakan pertimbangan profesional;
- Kurang sokongan teknikal untuk menjaga kualiti audit, termasuk proses perundingan dan semakan pemantauan dalaman; dan
- EQCR tidak efektif.

KESIMPULAN

Walaupun AOB mendapati wujudnya usaha berterusan firma untuk meningkatkan kualiti audit, pemerhatian daripada pemeriksaan tetap menunjukkan bahawa masih banyak usaha yang diperlukan.

AOB akan terus menekankan kepentingan nada pengurusan atas untuk memacu inisiatif kualiti audit dalam firma dan juga menggalakkan ketekalan dalam prestasi tugas di kalangan rakan audit. Bagi menggalakkan sikap dan tingkah laku rakan audit yang sesuai, adalah penting bagi firma untuk menguatkuasakan rangka kerja kebertanggungjawaban yang kuat dan berkesan.

Walaupun terdapat peningkatan dalam kelemahan berulang dalam Firma Audit Utama, keluasan dan kerumitan portfolio PIE semata-mata terus mendedahkan kesilapan dalam pertimbangan dan perancangan. Ini mungkin disebabkan oleh andaian yang dibuat ketika mengenal pasti isu-isu yang berpotensi dan mengurus risiko-risiko audit yang berkaitan. Oleh yang demikian, jumlah tugas dengan kelemahan ketara pada tahun 2014 meningkat berbanding tahun lalu.

Kawalan ke atas rangkaian cawangan masih menjadi isu yang telah mencetuskan penjualan cawangan atau prestasi sub-par cawangan-cawangan lain. Oleh itu, pengurusan dan pengagihan portfolio yang berkesan di kalangan cawangan dan rakan kerja audit adalah antara faktor utama untuk mencapai tahap ketekalan yang dikehendaki. Di samping itu, firma perlu memastikan latihan yang disediakan dan

dirancang untuk pekerja berkesan dan mencukupi bagi mereka untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang perlu untuk melaksanakan tugas audit dengan berkesan.

Peningkatan bilangan perundingan formal bagi Firma Audit Utama yang selaras dengan perubahan berterusan piawaian perakaunan serta model perniagaan pelanggan audit yang lebih canggih dan kompleks adalah sesuatu yang positif. Perundingan membantu menggalakkan kualiti audit dan memperbaiki penggunaan pertimbangan profesional. Oleh itu, adalah penting bagi juruaudit untuk memastikan proses perundingan telah mengambil kira penilaian yang mencukupi terhadap fakta dan maklumat yang berkaitan untuk menyokong kesimpulan yang dicapai. Sebaliknya, yang mana kesan perubahan piawaian perakaunan tertentu atau isu-isu perakaunan yang berpotensi adalah ketara, firma perlu berkomunikasi mengenai pembangunan itu secara tepat masa kepada pelanggan audit untuk menguruskan apa-apa kelengahan yang boleh dielakkan dalam pelaksanaan audit, yang akan menyebabkan ketidakcekapan audit dan akibat yang tidak diingini.

AOB akan terus berbincang dan berkomunikasi dengan firma-firma untuk mengenalpasti kaedah dan penggerak bagi meningkatkan kualiti audit. Ini termasuk inovasi audit yang akan memberikan

“... juruaudit perlu meningkatkan skeptisisme profesional ke atas bidang tertentu yang terdedah kepada penipuan dan manipulasi seperti hasil dan wang tunai dan baki di bank.”

kecekapan audit dan pada masa yang sama mengekalkan kualiti audit.

Bagi Firma Audit Lain, kelajuan penambahbaikan perlu dipercepatkan. Terdapat beberapa firma yang memerlukan peningkatan yang ketara. AOB terus mengingatkan keperluan asas untuk mempunyai latihan, infrastruktur dan kecekapan teknikal yang betul untuk menyokong kualiti audit. Peningkatan berterusan dalam pengetahuan teknikal dan memahami penggunaan, memandangkan pembangunan pesat piawaian perakaunan adalah satu kemestian untuk semua rakan kongsi audit dan kakitangan profesional. Dalam kebanyakan Firma Audit Lain, masih ada kekurangan dari aspek ini.

Disebabkan ketidaktentuan persekitaran ekonomi, juruaudit perlu mengekalkan tahap skeptisisme profesional yang sesuai pada setiap masa ketika

menjalankan audit. Yang mana sesuai, juruaudit perlu meningkatkan skeptisisme profesional ke atas bidang tertentu yang terdedah kepada penipuan dan manipulasi seperti hasil dan wang tunai dan baki di bank. Juruaudit perlu merekabentuk prosedur audit yang sesuai dengan mengambil kira jenis, pemasaan dan tahap yang responsif dalam menguruskan risiko yang berkaitan. Dalam hal ini, EQCR juga mempunyai peranan penting untuk memastikan bahawa pasukan tugas audit telah menangani semua perihal audit penting dan berisiko tinggi.

Melangkah ke hadapan, AOB akan mengadakan interaksi berterusan dengan firma audit untuk membincangkan mengenai penggerak kualiti audit, perkongsian amalan terbaik, penggalakan perubahan positif dalam tingkah laku dan budaya untuk mengamalkan kualiti audit.

AKTIVITI PENGUATKUASAAN

PENGENALAN

Juruaudit yang bebas memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan kebolehpercayaan laporan kewangan dengan memperakui sama ada penyata kewangan yang disediakan oleh pihak pengurusan benar-benar menjelaskan kedudukan kewangan dan prestasi terdahulu PIE dalam mematuhi piawaian perakaunan.

Pemantauan berkesan ke atas juruaudit yang bebas adalah penting kepada kebolehpercayaan dan keutuhan proses pelaporan kewangan. Ketelitian proses audit, kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit adalah amat penting dalam rangka kerja tadbir urus korporat.

Teras kepada keyakinan pasaran adalah penguatkuasaan yang berkesan. AOB mempunyai mekanisme penguatkuasaan yang teguh dengan perlindungan yang mencukupi untuk memastikan kesaksamaan dan keadilan dikekalkan. Dari bulan April 2010 hingga Disember 2013, sebanyak lapan juruaudit dikenakan sekatan kerana kegagalan mematuhi piawaian pengauditan yang diiktiraf di Malaysia, misalnya ISA dalam tugas audit mereka bagi penyata kewangan PIE dan kegagalan mematuhi etika dan standard profesional Undang-undang Kecil MIA. Pada tahun 2014, tindakan telah diambil ke atas dua juruaudit dan sebuah firma audit.

Prinsip keberkadaran, kecekapan dan pencapaian hasil yang dikehendaki terus menjadi tunjang dalam pendekatan penguatkuasaan strategik yang diguna pakai oleh AOB. Dalam menentukan jenis sekatan yang akan dikenakan ke atas mana-mana pelanggaran, AOB mengambil kira jenis

dan keseriusan kesalahan, rekod pengawalseliaan terdahulu dan faktor lain yang menambah buruk atau meredakan. Antara perkara yang dipertimbangkan oleh AOB adalah impak pelanggaran tersebut ke atas keutuhan profesion, pasaran modal secara keseluruhan dan impak pelanggaran ke atas keyakinan dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit bagi PIE yang dipertimbangkan.

Daripada perspektif penguatkuasaan, 2014 merupakan tahun yang menarik dengan AOB mengambil tindakan signifikan terhadap firma audit yang dilaporkan dengan meluas dalam media. Untuk julung-julung kalinya AOB mengambil tindakan terhadap firma audit dan melarangnya daripada menerima mana-mana PIE sebagai pelanggan bagi tempoh 12 bulan. Firma audit tersebut juga dikenakan penalti kewangan sebanyak RM30,000. Pada masa lalu, sekatan yang diamalkan oleh AOB adalah terhad kepada celaan dan penalti kewangan paling tinggi dikenakan ke atas juruaudit adalah RM10,000.

Halangan yang efektif memerlukan isyarat yang kukuh kepada profesion dan pasaran saham bahawa tiada tolak ansur kepada ketakpatuhan terhadap peraturan dan piawaian. Isyarat yang jelas inilah yang mewujudkan insentif ampuh untuk membawa kepada perubahan kualiti audit bagi keyakinan pasaran.

AOB menjangkakan firma audit mematuhi dengan ketat undang-undang dan peraturan yang ditetapkan olehnya dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana individu atau firma audit berdaftar atas sebab ketakpatuhan.

SEKATAN YANG DIKENAKAN PADA TAHUN 2014

Firma audit tersebut dikenakan sekatan kerana kegagalan mematuhi peraturan, garis panduan dan undang-undang lain yang terpakai untuk mengawal aktiviti yang dilaksanakan oleh firma audit dan kegagalan mematuhi piawaian dan etika pengauditan di Malaysia. Berhubung dengan standard etika, firma audit tersebut melanggar

keperluan Undang-undang Kecil MIA yang berkait dengan kebebasan, khususnya keperluan penggiliran rakan tugas audit utama.


Berhubung dengan sekatan terhadap dua juruaudit tersebut, ketakpatuhan dengan ISA termasuk, kegagalan juruaudit melaksanakan prosedur audit untuk mendapatkan bukti audit yang sesuai dan mencukupi untuk menyokong pendapat audit. Huraian sekatan adalah dalam Jadual 5.

Jadual 5

Usaha untuk memacu kualiti audit

Bil.	Jenis salah laku	Pihak yang terlibat	Huraian ringkas tentang salah laku	Tindakan diambil	Tarikh tindakan
1.	Pelanggaran syarat pendaftaran AOB yang dikenakan di bawah seksyen 31O(4) dalam SCA.	Chan Kee Hwa Rakan Khoo Wong & Chan, rakan tugas audit dalam pengauditan sebuah PIE bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011.	Kegagalan untuk mematuhi keperluan tertentu ISA dalam melaksanakan kewajipan profesionalnya dalam pelaksanaan audit PIE.	Celaan	18 Februari 2014
2.	Pelanggaran syarat pendaftaran AOB yang dikenakan di bawah seksyen 31O(4) dalam SCA	Lim Kok Beng Rakan Ong Boon Bah & Co., rakan tugas audit dalam pengauditan sebuah PIE bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2011.	Kegagalan untuk mematuhi keperluan tertentu dalam ISA dalam melaksanakan kewajipan profesionalnya dalam pelaksanaan audit PIE.	(i) Celaan; dan (ii) Penalti kewangan sebanyak RM10,000.	
3.	Pelanggaran syarat pendaftaran AOB yang dikenakan di bawah seksyen 31O(4) dalam SCA.	Wong Weng Foo & Co	(i) Kegagalan mematuhi seksyen 31N(1) dalam SCA yang memerlukan firma audit berdaftar dengan AOB apabila bertindak sebagai juruaudit; dan (ii) Kegagalan mematuhi keperluan Undang-undang Kecil MIA yang berkait dengan kebebasan juruaudit.	(i) Melarang Firma Audit daripada menerima mana-mana PIE sebagai pelanggan bagi tempoh 12 bulan; dan (ii) Penalti kewangan sebanyak RM30,000.	30 Mei 2014

Nota: Pada 5 Jun 2014, Wong Weng Foo & Co. merayu kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) terhadap keputusan AOB di atas. Pada 26 Jun 2014, SC menolak rayuan tersebut. Larangan ke atas firma audit tersebut daripada menerima mana-mana PIE sebagai pelanggannya bagi tempoh 12 bulan berkuat kuasa dari 30 Jun 2014.



BAHAGIAN 2

**Mempengaruhi Ekosistem
Pelaporan Kewangan dan
Memanfaatkan Sokongan
Pihak Berkepentingan**



MEMPENGARUHI EKOSISTEM PELAPORAN KEWANGAN DAN MEMANFAATKAN SOKONGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

PENGENALAN

AOB mengiktiraf bahawa pelaporan kewangan berkualiti tinggi oleh PIE yang disertai pengauditan rapi merupakan kunci pembeza untuk meningkatkan keyakinan dalam pasaran serta menarik modal dan bakal pelabur ke Malaysia. Atas kefahaman ini, satu daripada tema rangka kerja strategik AOB adalah untuk mempengaruhi sistem pelaporan kewangan.

AOB mengendalikan, mengambil bahagian dan berkongsi pandangan dalam pelbagai perbincangan dengan pihak berkepentingan untuk menggalakkan pelaporan kewangan dan amalan pengauditan yang berkualiti tinggi. Sesi di peringkat tempatan dan antarabangsa ini melibatkan pengawal selia, firma audit, profesional perakaunan, pengarah dan ahli akademik.

PENGAWAL SELIA AUDIT ASEAN MENANGANI ISU KUALITI AUDIT SERANTAU

Mesyuarat tahunan ke-4 Kumpulan Pengawal Selia Audit ASEAN (AARG) telah diadakan di Bangkok, Thailand dari 15 hingga 16 Mei 2014. Kumpulan ini terdiri daripada Autoriti Pengawalseliaan Perakaunan dan Korporat (ACRA) Singapura, AOB, dan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Thailand. Pusat Pembinaan Akuntan dan Jasa Penilai, Kementerian Kewangan, Indonesia, mengambil bahagian untuk pertama kalinya sebagai pemerhati.

Mesyuarat ini bermula dengan ACRA berkongsi keputusan Kaji Selidik Pemeriksaan IFIAR Kedua, diikuti dengan ringkasan inisiatif pengawalseliaan. Dalam sesi ini, AOB berkongsi kemas kini tentang usaha mengukuhkan profesion perakaunan di Malaysia, yang kini dilaksanakan melalui Jawatankuasa untuk Mengukuhkan Profesion Perakaunan (CSAP).

Dari perspektif global, perwakilan daripada Kumpulan Kerja Pengawal-seliaan (RWG) di bawah Jawatankuasa Dasar Awam Global (GPPC) membincangkan projek-projek mereka tentang 'Peranan Audit pada Masa Akan Datang' yang dilaksanakan oleh Panel Audit.

Semasa sesi Perbincangan Kumpulan, anggota AARG membincangkan rancangan untuk menambah baik pelaporan kewangan, kualiti audit rantau ini, serta aspek-aspek yang berpotensi untuk kerjasama antara firma-firma serantau dengan pengawal selia audit dan cabaran yang bakal dihadapi dengan pelaksanaan akan datang.

Mesyuarat AARG berakhir dengan perbincangan bersama antara pihak kepimpinan Empat Firma Audit Besar serantau. Antara isu yang diketengahkan ialah, semakan ke atas isu-isu kualiti audit yang dikenal pasti daripada semakan kualiti firma audit, analisis punca sebenar kelemahan audit serta pengukuran firma akan keberkesanan pelan tindakan pemulihan. Dialog tersebut turut membincangkan petunjuk untuk mengukur penambahbaikan kepada kualiti audit, inovasi audit dan inisiatif produktiviti yang dimulakan oleh Empat Firma Audit Besar.

Kotak 3 MENYOKONG INISIATIF IFIAR

Bengkel Pemeriksaan IFIAR

Untuk pertama kalinya di rantau ASEAN, Malaysia melalui AOB telah menganjurkan Bengkel Pemeriksaan IFIAR ke-8. Acara ini yang diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Mac 2014 dihadiri oleh lebih daripada 100 delegasi daripada 35 negara anggota IFIAR.

Ucap utama bertajuk 'Laluan Mencabar Ke Arah Penormalan' disampaikan oleh Alex Ng, Ketua Eksekutif Pelaburan, Asia Pasifik, BNP Paribas Investment Partners Asia, yang memberikan gambaran keseluruhan situasi semasa makroekonomi secara global dan prospek masa akan datang, serta isu semasa dan baru muncul yang berkaitan dengan pemeriksaan audit.

Tiga sesi pleno memberi tumpuan kepada aspek-aspek berikut:

- Kaji Selidik IFIAR Kedua tentang Pemerhatian Pemeriksaan;
- Agenda Kumpulan Kerja GPPC; dan
- Pendekatan Pemeriksaan Berasaskan Risiko.

Bengkel ini turut menyediakan peluang kepada anggota IFIAR untuk bertukar-tukar maklumat dan idea berhubung isu-isu praktikal yang berkaitan dengan teknik pemeriksaan, pemerhatian dan pengalaman melalui pelbagai sesi selingan dan elektif. Antaranya termasuklah:

- Isu-isu pemeriksaan dalam industri khusus dan audit bank;
- Pemeriksaan firma audit bersaiz kecil/serdana;
- Ujian kawalan dalaman dan penggunaan pakar IT;
- Kepentingan hasil pemeriksaan dan tindakan disiplin;
- Penilaian susulan ke atas pelan tindakan firma;
- Keperluan, pengalaman dan pandangan tentang dokumentasi pemeriksaan;
- Pemeriksaan tematik;
- Penyepaduan pemeriksaan pelaporan korporat dan pemeriksaan kualiti audit;
- Model UK bagi pelaporan kepada jawatankuasa audit;
- Yuran yang dikenakan oleh juruaudit bagi perkhidmatan bukan audit dan potensi risiko kawal selia; dan
- Memeriksa tanggungjawab juruaudit berhubung penipuan dan pencegahan pengubahan wang haram.

Salah satu daripada sesi selingan tersebut dikendalikan oleh AOB. Dua pembentangan poster turut diperkenalkan untuk pertama kalinya dan memberi pencerahan dalam aspek yang berikut:

- Pangkalan data Kumpulan Pemeriksaan Audit Eropah (EAIG) tentang hasil pemeriksaan; dan
- Pengukur kualiti audit.

Bengkel ini dilihat sebagai platform yang baik untuk pengawal selia audit bebas bertemu dan berbincang tentang proses pemeriksaan, belajar dan saling mengambil manfaat antara satu sama lain. Khususnya

dalam aspek-aspek yang mempunyai impak ke atas peraturan profesion audit.

Acara Jangkauan Luar Serantau IFIAR

Bersempena bengkel tersebut, IFIAR telah mengadakan Acara Jangkauan Luar Serantau pada 12 Mac 2014. Acara yang julung-julung kalinya ini dihadiri oleh pegawai dari bidang kuasa berikut:

- Jawatankuasa Pemantauan Akauntan Awam (PAOC), Kementerian Kewangan, Brunei;
- Penyeliaan Penerbitan Sekuriti, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa, Kemboja;
- Majlis Pelaporan Kewangan, Hong Kong;
- Jabatan Pemeriksaan Kewangan, Kementerian Kewangan, Republik Demokratik Rakyat Lao; dan
- Bahagian Audit Kebebasan Jabatan Perakaunan, Kementerian Kewangan, Republik Demokratik Rakyat Lao.

Objektif Acara Jangkauan Luar Serantau IFIAR adalah untuk memulakan dan memupuk pertukaran maklumat antara bidang kuasa dan pengawal selia yang belum menjadi anggota IFIAR dan dalam proses membangunkan sistem pemantauan audit.

Sebagai pengenalan, Janine van Diggelen, Naib Pengerusi IFIAR menghuraikan struktur, matlamat dan projek semasa, kumpulan kerja IFIAR, keperluan keanggotaan dan prinsip teras IFIAR.

AOB bersama-sama dengan Autoriti Pasaran Kewangan (AFM) Belanda dan ACRA Singapura berkongsi perspektif tentang bagaimana pelbagai sistem pemantauan audit distruktur dan diperkembangkan.

Mesyuarat Pleno IFIAR

AOB yang telah menjadi ahli IFIAR sejak bulan September 2010, bersama-sama dengan anggota IFIAR yang lain bermesyuarat di Washington DC, AS dalam Mesyuarat Pleno IFIAR Ke-14 pada bulan April 2014 untuk berkongsi pemahaman dan membincangkan beberapa isu penting. Lembaga Pengawasan Perakaunan Syarikat Awam (PCAOB) menjadi tuan rumah bagi mesyuarat tersebut.

Topik yang dibincangkan termasuk:

- Sama ada ekonomi dan model perniagaan firma audit yang berkembang mendatangkan risiko kepada kualiti audit, yang dibincangkan bersama dengan ketua pegawai eksekutif daripada enam firma audit rangkaian global;
- Bagaimana audit boleh memberi lebih manfaat kepada pelabur dan anggota jawatankuasa audit;
- Petunjuk kualiti audit;
- Bagaimana mengenal pasti risiko sistemik utama, dan menanganinya dalam pengawalseliaan audit yang dinamik; dan

- Kepentingan pengawalseliaan audit kepada pasaran modal, yang dibincangkan dalam ucap utama oleh Paul Volcker, mantan Pengerusi Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (AS), dan asal-usul *Akta Sarbanes-Oxley 2002*, dibentangkan dalam ucap utama yang disampaikan oleh bekas Ahli Senat AS Paul Sarbanes.

IFIAR turut mengumumkan keputusan kaji selidik keduanya terhadap hasil pemeriksaan anggota-anggotanya. Keputusan tersebut menunjukkan kelemahan berterusan dalam aspek utama audit, dan menyatakan kebimbangan tentang implikasi dapatan tersebut bagi kualiti audit. IFIAR berazam untuk meningkatkan kerjasama dalam kalangan anggota dengan matlamat untuk menambah baik kualiti audit.

Kaji Selidik IFIAR 2014

AOB mengambil bahagian dalam kaji selidik global ini yang dilaksanakan oleh IFIAR mengenai Hasil Pemeriksaan Firma Audit. Tujuan kaji selidik ini adalah untuk mengumpulkan maklumat berhubung dengan struktur program pemeriksaan setiap anggota IFIAR serta maklumat khusus tentang hasil pemeriksaan.

Selain itu, AOB turut mengambil bahagian dalam kaji selidik Kumpulan Kerja Penguatkuasaan IFIAR. Objektif kaji selidik ini adalah untuk meningkatkan kefahaman tentang sistem penguatkuasaan anggota, isu-isu, metodologi dan teknik penguatkuasaan dan penyiasatan.

Kaji selidik tersebut merupakan kaji selidik global yang pertama berhubung dengan sistem penguatkuasaan anggota IFIAR dan rumusan dapatannya akan dibentangkan dalam Mesyuarat Pleno IFIAR pada bulan April 2015.

PEMBABITAN DENGAN KEPIMPINAN FIRMA AUDIT

Pada 2014, terdapat beberapa dialog bersama kepimpinan firma audit tempatan sebagai sebahagian daripada usaha untuk menyokong kerja audit yang berkualiti.

Aspek yang dibincangkan termasuk kemas kini pengawalseliaan, isu baru muncul seperti sekatan terhadap audit berkaitan China disebabkan oleh bakal peraturan baharu dan isu konflik kepentingan yang timbul daripada penyediaan perkhidmatan bukan audit.

Terdapat juga dialog tentang pengumpulan data tahunan dan analisis statistik yang diperkenalkan, isu baharu tentang kesiediaan untuk melaksanakan piawaian pelaporan juruaudit baharu dan impak bagi draf pendedahan audit utama. Untuk pertama kalinya dalam sesi dialog, beberapa firma audit terpilih telah berkongsi amalan masing-masing yang terbaik yang menggalakkan kualiti audit.

Daripada pembabitan AOB dengan firma audit, adalah dijangkakan bahawa lebih banyak usaha diperlukan terutamanya daripada firma audit untuk berbincang dengan pelanggan mereka dan berkongsi beberapa perkembangan utama dalam

peraturan audit termasuk draf pendedahan untuk meminimumkan impak penggunaannya apabila draf pendedahan tersebut berkuat kuasa.

BEKERJASAMA DENGAN PENGAWAL SELIA

Terdapat usaha berterusan oleh AOB dalam kerjasamanya dengan pengawal selia lain, khususnya Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Bursa Malaysia. Kerjasama ini memerlukan perbincangan tentang hal ehwal dasar dan kaedah untuk meningkatkan amalan pelaporan kewangan.

Terdapat usaha bersama dengan Bursa Malaysia untuk menggalakkan amalan pelaporan kewangan berkualiti tinggi yang merangkumi peranan pengarah dan jawatankuasa audit. Inisiatif bagi kerjasama antara AOB dan pengawal selia lain merupakan usaha untuk mengurangkan perbezaan

“...lebih banyak usaha diperlukan terutamanya daripada firma audit untuk berbincang dengan pelanggan mereka dan berkongsi beberapa perkembangan utama dalam peraturan audit termasuk draf pendedahan untuk meminimumkan impak penggunaannya apabila draf pendedahan tersebut berkuat kuasa.”

dalam pendekatan pengawal selia, meminimumkan pertindanan usaha ke arah pengawalseliaan berkesan dan meningkatkan keberkesanan aktiviti pengawalseliaan dalam penyeliaan pelaporan kewangan dan pengauditan.

MENGALAKKAN AMALAN PELAPORAN KEWANGAN BERKUALITI TINGGI

AOB terlibat dalam pelbagai acara dan pembabitan luaran untuk berkongsi pandangan dan buah fikiran.

AOB mengambil bahagian dalam acara berikut yang merangkumi:

- ➡ Acara Jangkauan Luar Lembaga Piawaian Etika (ESB) anjuran MIA
- ➡ Forum Pelaporan Bersepadu anjuran bersama SC, ACCA dan Majlis Pelaporan Bersepadu Antarabangsa (IIRC)
- ➡ Persidangan berkaitan Penipuan Korporat anjuran Institut Juruaudit Dalam Malaysia (IIAM)
- ➡ Ceramah tentang '100 Pemacu bagi Perubahan terhadap Latar Revolusi Digital' anjuran ACCA Malaysia dan AOB
- ➡ Persidangan Kebangsaan SSM
- ➡ Persidangan Pengurusan Kualiti & Risiko KPMG ASPAC
- ➡ Acara pelancaran laporan oleh PricewaterhouseCoopers Malaysia bertajuk 'Perkembangan Pelaporan Bersepadu di Malaysia'
- ➡ Dialog Industri SC bersama badan-badan profesional
- ➡ Ceramah oleh Institut Kewangan Asia (AIF) di bawah Siri Penceramah Terkemuka AIF 2014 bertajuk 'Ke Arah Sistem Kewangan Mampan'

- ➡ Persidangan Dunia Audit 2014 bertemakan 'Perkembangan dalam Amalan' yang dianjurkan bersama oleh MIA dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)

- ➡ Forum MIA-CPA Australia

- ➡ Sidang Kemuncak Tahunan Berkaitan Tadbir Urus Korporat ASEAN anjuran Federation of Public Listed Companies Bhd (FPLC) dan Institut Tadbir Urus Malaysia (MICG)

- ➡ Rundingan Meja Bulat tentang Pelaporan Bersepadu dan Jaminan anjuran SC dan ACCA Malaysia

- ➡ Persidangan Akauntan Antarabangsa MIA

- ➡ Program Jangkauan Luar ESB anjuran MIA

- ➡ Seminar Berkaitan Meningkatkan Profesionalisme Juruaudit untuk Penambahbaikan Kualiti Audit anjuran Jabatan Audit Negara

- ➡ Syarahan sempena Ulang Tahun Ke-55 MICPA


MENGUKUHKAN PROFESION PERAKAUNAN

CSAP, panel pelbagai agensi yang diwujudkan oleh Kementerian Kewangan, telah mengeluarkan dokumen rundingan pada bulan Disember 2014 mempelawa maklum balas awam berhubung dengan saranan yang dicadangkan untuk meningkatkan profesion perakaunan di Malaysia.

CSAP adalah sejajar dengan agenda transformasi kerajaan dalam meningkatkan daya saing negara.

Saranan itu adalah untuk meningkatkan sumbangan profesion perakaunan dalam pembangunan negara, memastikan ekonomi dibekalkan dengan bilangan akauntan profesional yang diperlukan dan menetapkan semula tadbir urus profesion perakaunan untuk memastikan keberkesanannya. Dokumen rundingan tersebut disiarkan untuk maklum balas awam sehingga 31 Januari 2015.

Pasukan Petugas Kualiti Pelaporan Kewangan yang terdiri daripada wakil-wakil daripada SC, MIA, MICPA dan ahli akademik turut ditubuhkan untuk memulakan proses untuk mengenal pasti dan mengumumkan langkah-langkah untuk menambah baik kualiti pelaporan kewangan dan pengauditan PIE.



BAHAGIAN 3

Taksiran Prestasi dan Keberkesanan




TAKSIRAN PRESTASI DAN KEBERKESANAN

PENGENALAN

Lembaga AOB meluluskan rangka kerja strategik baharu yang merangkumi prospek pasaran dan landskap pengawalseliaan selama tiga tahun.

Rangka kerja strategik ini menghubungkan aspek perkhidmatan AOB kepada hasil yang dikehendaki oleh misinya. Walaupun perkhidmatan teras seperti pendaftaran dan pemeriksaan merupakan aktiviti pemantauan berterusan, bidang-bidang tumpuan telah dikenal pasti selepas mempertimbangkan persekitaran operasi, pembangunan dalam pelaporan kewangan dan pengauditan, perubahan kawal selia serta pembangunan global dalam pengawalseliaan audit. Penambahbaikan akan diteruskan ke atas hasil strategik yang berikut:

- Keyakinan terhadap penyata kewangan teraudit;
- Pendapat audit berdasarkan bukti yang cukup dan sesuai;
- Peluaran nilai dan etika profesional;
- Amalan audit yang bijak dan berkebolehan; dan
- Amalan pelaporan kewangan berkualiti tinggi oleh PIE.



Rangka kerja
strategik ini
menghubungkan
aspek
perkhidmatan AOB
kepada hasil yang
dikehendaki oleh
misinya

Pada setiap awal tahun, Lembaga AOB mempertimbangkan dan meluluskan cadangan pihak pengurusan tentang pelan operasi tahunan termasuk aspek tumpuan AOB dalam melaksanakan fungsi pemantauan auditnya. Kemajuan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah AOB setiap suku tahunan dan semakin prestasi dilaksanakan pada pertengahan tahun.

Hasil dan kemajuan yang dicapai dalam bidang tumpuan menunjukkan AOB terus berusaha mencapai mandat kawalan selia dan misinya sejajar dengan matlamat keseluruhan rangka kerja strategiknya.

SEMAKAN PRESTASI 2014

Hasil strategik AOB	Aktiviti	Taksiran prestasi bagi 2014
Keyakinan terhadap penyata kewangan teraudit	- Mengambil bahagian dalam acara awam untuk menyampaikan mesej penting tentang kualiti audit kepada pihak berkepentingan. - Menyumbang kepada penilaian oleh ACGA dengan kolaborasi bersama Pasaran Asia Pasifik CLSA. - Mewujudkan kesedaran dalam kalangan pihak berkepentingan utama dan menggalakkan pandangan tentang kepentingan pengawasan audit dalam pasaran modal.	- AOB mengambil bahagian dalam 15 acara tempatan dan antarabangsa. - Dalam <i>CG Watch 2014</i> oleh ACGA, Malaysia diiktiraf atas kekukuhan dalam pelaporan kewangan dan piawaian pengauditan, masing-masing di tangga pertama bersama sebuah negara lain dalam kategori perakaunan dan pengauditan. - Juruaudit lebih cenderung mengetengahkan isu-isu penting dalam laporan audit mereka.
Pendapat audit berdasarkan bukti yang cukup dan sesuai	Terdapat 10 firma audit dan 29 juruaudit yang diperiksa di bawah pemeriksaan berkala yang dijalankan pada tahun ini.	- Tiada kegagalan audit yang signifikan dilaporkan dalam tahun ini dalam kalangan syarikat dengan permodalan pasaran besar. - Juruaudit lebih cenderung mengetengahkan isu-isu penting dalam laporan audit mereka. - Tindakan penguatkuasaan terhadap dua juruaudit dan satu firma audit yang gagal mematuhi piawaian profesional.
Proses peluaran nilai dan etika profesional	AOB terus memantau keperluan penggiliran audit yang merupakan prinsip asas untuk memastikan kebebasan juruaudit.	- Penambahbaikan diperhatikan pada tahun 2014, walaupun satu firma audit dikenakan sekatan kerana pelanggaran keperluan penggiliran rakan kongsi audit dan ketidakpatuhan kepada peraturan dan garis panduan berkaitan. - Disiplin diri yang diperkukuh dalam kalangan firma utama.

Hasil strategik AOB	Aktiviti	Taksiran prestasi bagi 2014
Amalan audit yang bijak dan berkebolehan	- Perhubungan dengan firma audit semasa proses pembaharuan pendaftaran memastikan firma audit mempunyai rangka kerja kawalan berkualiti. - Firma dikehendaki mengenal pasti punca sebenar kelemahan yang dikenal pasti oleh AOB ketika pemeriksaan dan di pelbagai peringkat. - Firma dikehendaki mengukur keberkesanan pelan pemulihan. - Membantu pelaksanaan piawaian pengauditan. - Mendorong amalan terbaik melalui dialog bersama firma audit untuk memastikan bina upaya berterusan dan infrastruktur yang betul, kemahiran kepimpinan yang kritikal dan budaya untuk mengekalkan kualiti audit.	- Pada tahun ini, tiga juruaudit tertakluk kepada langkah-langkah pemulihan khusus. - AOB menolak pematuhan pengiktirafan bagi satu firma audit luar negara berikutan kegagalan firma tersebut mematuhi keperluan Bahagian IIIA atau mana-mana notis bertulis atau garis panduan yang dibuat di bawah SCA. - Terdapat 14 pelan pemulihan yang diluluskan. - Terlibat dalam lembaga penetapan piawaian dan memberikan ulasan tentang dua draf pendedahan kepada IFAC. - Mengadakan beberapa dialog dengan pemimpin firma audit tempatan.
Amalan pelaporan kewangan berkualiti tinggi oleh PIE	- Penyertaan dalam pelbagai acara untuk bertemu pengarah dan anggota jawatankuasa audit sebagai peringatan tentang peranan mereka dalam meningkatkan kualiti pelaporan kewangan. - Dialog untuk menggalakkan tingkah laku dan perubahan budaya untuk meningkatkan ketekalan amalan berkualiti. - Memacu mesej pelaburan dalam mengekalkan tenaga kerja dan infrastruktur yang relevan untuk menyokong keberkesanan dan fungsi pelaporan kewangan berkualiti tinggi. - Mendorong amalan berkualiti untuk membina tingkah laku dan budaya yang betul. - Menubuhkan Pasukan Petugas Kualiti Pelaporan Kewangan untuk mengenal pasti dan menyebarkan langkah-langkah untuk menambah baik kualiti pelaporan kewangan dan pengauditan.	- Mengambil bahagian dalam 17 acara. - Saranan dalam laporan CSAP untuk menangani isu kumpulan tenaga kerja.

Kotak 4

PENGIKTIRAFAN DALAM LAPORAN PEMERHATIAN
TADBIR URUS KORPORAT 2014

ACGA baru-baru ini memperakui AOB sebagai salah satu daripada pengawal selia audit yang terurus dengan lebih baik dan telus di rantau ini dalam *CG Watch 2014 Report* yang dikeluarkan pada 25 September 2014. Malaysia khususnya, diiktiraf kerana kekukuhan dalam piawaian pelaporan kewangan dan audit, di kedudukan pertama bersama sebuah negara lain dalam kategori perakaunan dan pengauditan.


Menurut laporan ini, Malaysia mencapai skor keseluruhan sebanyak 58% pada tahun 2014, mengekalkan kedudukan keempatnya di rantau ini. Laporan ini juga menjuruskan perhatian kepada usaha mampan dan bersepadu oleh Malaysia dalam memacu pembaharuan dalam tadbir urus, menjadikan Malaysia satu-satunya pasaran antara negara Asia Pasifik yang dinilai mempunyai penambahbaikan skor secara tekal dalam setiap empat kaji selidik yang lalu.

Pengiktirafan yang memberangsangkan terhadap usaha-usaha AOB telah merintis jalan untuk meningkatkan keyakinan dalam penyata kewangan teraudit PIE di Malaysia yang akan memanfaatkan firma-firma audit yang berdaftar dengan AOB. Dijangkakan lagi bahawa kedudukan serantau Malaysia yang diperkukuhkan akan membantu menyokong keyakinan pelabur sambil merangsang budaya tadbir urus korporat yang lebih kukuh dalam pasaran modal Malaysia.

CG Watch merupakan laporan dwitahunan ACGA dengan kerjasama Pasaran Asia-Pasifik CLSA, anggota ACGA dan penaja pengasas. Laporan ini memberikan kedudukan 11 pasaran Asia berdasarkan kualiti tadbir urus makro dan sistem tadbir urus dalaman bagi 944 syarikat. *CG Watch 2014* dijalankan dari bulan Februari hingga Ogos 2014 oleh pasukan juruanalisis penyelidikan, pakar dan perunding.

Malaysia
menduduki tangga
ke-4
di rantau ini

Skor Pasaran bagi CG Watch 2014



Sumber: 'CG Watch 2014 – Kedudukan Pasaran' oleh Jamie Allen, Setiausaha Agung, ACGA

BAHAGIAN

4

Menyokong Penggunaan dan Pelaksanaan Piawaian



MENYOKONG PENGGUNAAN DAN PELAKSANAAN PIAWAIAN

PENGENALAN

AOB beriltizam untuk menyumbang dan bekerjasama dengan rakan sejawatnya dan pihak berkepentingan dalam ekosistem pelaporan kewangan untuk terus meningkatkan kualiti audit serta mendukung taraf global audit.

PENGLIBATAN DALAM PERKEMBANGAN DAN PELAKSANAAN PIAWAIAN DAN PERATURAN

Penyertaan berterusan AOB sebagai pemerhati dalam mesyuarat-mesyuarat yang diadakan oleh

Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan (AASB) dan ESB MIA memberi peluang kepada AOB untuk berkongsi pendapat mengenai pelbagai perkara berbangkit di samping maklum balas yang dikemukakan kepada pelbagai badan penetapan piawaian dan badan kawal selia.

Pengauditan dan jaminan

Pada tahun 2014, aktiviti-aktiviti utama AASB termasuk penerbitan *Surat Pelantikan dan Laporan Penemuan Fakta Ilustratif bagi Tugas Prosedur yang Dipersetujui Berkenaan Keperluan Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011*.

Kotak 5

PROJEK PELAPORAN JURUAUDIT

Dalam laporan tahunan 2013, AOB telah mengikuti perkembangan Projek Pelaporan Juruaudit yang dijalankan oleh IAASB. Projek tersebut dimulakan dalam usaha menyahut gesaan pelbagai pihak berkepentingan agar lebih banyak maklumat berkaitan disediakan berdasarkan audit yang telah dilaksanakan. Dalam persekitaran perniagaan global masa kini yang pesat dengan keperluan pelaporan kewangan yang semakin rumit, ketersediaan maklumat tersebut dianggap amat penting bagi proses membuat keputusan.

Draf pendedahan *Pelaporan tentang Penyata Kewangan Teraudit: Cadangan ISA yang Baharu dan Disemak Semula* yang dikeluarkan oleh IAASB pada bulan Julai 2013 telah memohon pandangan terutamanya terhadap rangka dan isi kandungan keseluruhan laporan juruaudit tersebut, manfaat yang bakal diperolehi daripada cadangan yang diutarakan, dan usaha atau kos tambahan yang dijangka.

Pada bulan September 2014, IAASB telah meluluskan yang berikutnya yang telah dikeluarkan pada 15 Januari 2015 dengan tarikh berkuat kuasa pada 15 Disember 2016:


- ISA 700 (Disemak semula) *Membentuk Pendapat dan Melaporkan Tentang Penyata Kewangan*

- ISA 701 *Menyampaikan Hal Audit Utama dalam Laporan Juruaudit Bebas*
- ISA 260 (Disemak semula) *Komunikasi dengan Pihak-Pihak yang Dipertanggungjawabkan dengan Tadbir Urus*
- ISA 570 (Disemak semula) *Usaha Berterusan*
- ISA 705 (Disemak semula) *Pengubahsuaian Pendapat dalam Laporan Juruaudit Bebas*
- ISA 706 (Disemak semula) *Penekanan Terhadap Perenggan Hal dan Perenggan Hal-hal Lain dalam Laporan Juruaudit Bebas*
- Pindaan penyelarasan kepada ISA yang lain

AOB terus memberi peringatan untuk mengelakkan kecenderungan membuat penzahiran dengan menggunakan kata-kata amalan standard ('boilerplate') untuk memastikan peningkatan akan datang akan terus relevan, terutamanya bahagian 'hal audit utama' yang baharu diperkenalkan, agar mencapai kesan yang diinginkan terhadap pihak berkepentingan. AOB juga menegaskan tentang perlunya juruaudit mengendalikan jumlah maklumat yang hendak dizahirkan dalam laporan juruaudit bagi memastikan kemunasabahan kandungannya dikekalkan tanpa menjejaskan nilai komunikatif penzahiran tersebut.

Rajah 1

Komponen Laporan Juruaudit yang Baharu



Sumber: Piawaian Pelaporan Juruaudit Baharu dan Disemak Semula dan Pindaan Penyelarasan yang Berkaitan IAASB yang dikeluarkan pada 15 Januari 2015.


Tanggungjawab berkaitan maklumat lain

Pada bulan Mac 2014, IAASB mengeluarkan cadangan ISA 720 (Disemak semula) *Tanggungjawab Auditor Berkaitan dengan Maklumat Lain* (ED-720 (2014)). Pendedahan semula ini adalah susulan ISA 720 (Disemak Semula) *Tanggungjawab Juruaudit Berkaitan dengan Maklumat Lain dalam Dokumen*

Yang Mengandungi atau Mengiringi Penyata Kewangan Teraudit (ED-720 (2012)) yang telah menerima sokongan menyeluruh terhadap hasrat IAASB untuk mengukuhkan dan menjelaskan tanggungjawab juruaudit berhubung maklumat lain, termasuk pencerahan dalam skop dokumen yang dirangkumi dan tanggungjawab pelaporan yang baharu.

Rajah 2

Peningkatan Utama Dalam Cadangan ISA 720 (Disemak semula) *Tanggungjawab Juruaudit Berkaitan dengan Maklumat Lain*



Sumber: Draf pendedahan IAASB mengenai cadangan ISA 720 (Disemak semula) *Tanggungjawab Juruaudit Berkaitan dengan Maklumat Lain*

ED-720 (2014) mengandungi perubahan besar kepada ED-720 (2012) untuk menangani kebimbangan ketara berikut yang ditanggap berpotensi untuk menjejaskan manfaat yang diinginkan oleh IAASB:

- Bahawa cadangan tersebut tidak menyatakan dengan jelas matlamat juruaudit, skop dokumen yang dirangkumi, dan kerja yang perlu dijalankan oleh juruaudit; dan
- Bahawa cadangan tersebut tidak boleh dilaksanakan atau akan membawa kepada pesongan dalam amalan, dalam kalangan juruaudit dan antara bidang kuasa.

AOB terus menyokong inisiatif IAASB berkenaan dengan tanggungjawab juruaudit yang berkaitan dengan maklumat lain dan cadangan untuk menyelaraskan tarikh kuat kuasa piawaian muktamad dengan tarikh kuat kuasa yang ditetapkan bagi Projek Pelaporan Audit. Walau bagaimanapun, keputusan untuk penggunaan awal piawaian ini harus diambil hanya selepas menaksir kesiediaan pasaran.

Menangani penzahiran

Sepanjang dekad yang lalu, di tengah-tengah arus perubahan evolusi kepada keperluan penzahiran laporan kewangan, telah munculnya cabaran baru kepada penyedia mahupun juruaudit dalam menangani jenis maklumat kuantitatif dan bukan kuantitatif yang baharu. Kebimbangan khusus yang seringkali dibangkitkan oleh pelbagai pihak berkepentingan adalah mengenai jumlah nota penzahiran yang tinggi, yang mana dalam beberapa kes, telah meningkatkan risiko bahawa maklumat yang berguna atau relevan mungkin dikaburkan.

Dalam usaha untuk menangani cabaran-cabaran ini, IAASB mengeluarkan draf penzahiran mengenai *Cadangan Perubahan kepada Piawaian Audit Antarabangsa – Menangani Pendedahan dalam Pengauditan Penyata Kewangan*. Cadangan pindaan ini dijangka akan terus menyokong penggunaan keperluan ISA yang sepatutnya serta memberi

pencerahan mengenai jangkaan juruaudit semasa mengaudit penzahiran penyata kewangan.

Cadangan pindaan utama dalam draf pendedahan tersebut termasuk:

- Definisi tertingkat 'penyata kewangan';
- Wajaran lebih dalam mempertimbangkan salah nyata yang ketara yang berbangkit daripada pembentangan dan/atau penzahiran bagi tempoh yang diaudit, memandangkan penegasan berkaitan dengan penzahiran harus dipertimbangkan sempena penegasan berkaitan dengan kelas urus niaga dan peristiwa, dan baki-baki akaun;
- Tumpuan lebih terhadap keperluan mengaudit penzahiran, termasuk penekanan terhadap perlunya pertimbangan awal tentang kerja audit yang diperlukan untuk menangani penzahiran ini;
- Perhatian lebih terhadap maklumat dari sistem dan proses yang bukan sebahagian daripada sistem lejar am, contohnya, sistem pengurusan risiko, laporan penilaian, dan lain-lain; dan
- Juruaudit dikehendaki mempertimbangkan kemungkinan sama ada penzahiran oleh pihak pengurusan yang dilakukan dengan tujuan untuk mengaburi maklumat.

Dengan kesedaran bahawa banyak isu-isu berkaitan dengan penzahiran tidak boleh diselesaikan secara bersendirian, IAASB telah terlibat secara aktif dalam kegiatan kolaborasi, kerjasama, hubungan dan jangkauan luar dengan pihak berkepentingan lain yang berminat, termasuk para penetap piawaian, pengawal selia, penyedia dan pengguna. Ini terbukti dalam draf pendedahan Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (IASB) ED/2014/1 *Inisiatif Penzahiran (Cadangan pindaan kepada IAS 1)* yang mengetengahkan kebimbangan yang sama bahawa maklumat yang berguna boleh menjadi kurang nyata dan sebagai akibatnya kurang difahami.

AOB amat menyokong penglibatan berterusan IAASB dalam projek Inisiatif Penzahiran IASB *Kematanan – penilaian panduan sedia ada* – yang diharapkan berupaya menambah baik tumpuan penzahiran dalam penyata kewangan melalui penekanan lebih terhadap kematanan dan kerelevanan. Walau bagaimanapun, pemakaian dan kefahaman ‘kematanan’ yang tekal perlu digalakkan tanpa memerlukan penzahiran dengan menggunakan kata-kata yang seragam dalam penyata kewangan. Juga amat penting untuk mempertimbangkan secara teliti akan mekanisme dan kebolehamalian bagi semua keperluan yang dicadangkan di samping meningkatkan dan memperkemaskan kefahaman dalam kalangan pihak berkepentingan. Ini mustahak memandangkan usaha berterusan IAASB berkaitan dengan laporan juruaudit berkembang, yang memperkenalkan keperluan penzahiran seperti ‘Hal Audit Utama’.

Pada tahun 2014, AOB mengakui bahawa bilangan cadangan peningkatan yang mungkin mengakibatkan tanggungjawab juruaudit yang lebih semakin bertambah. Perkembangan dalam bidang perakaunan sejak kebelakangan ini memberi penekanan yang semakin meningkat kepada kematanan dan kerelevanan.

AOB dengan demikian menekankan kepentingan dalam mengekalkan persefahaman bersama antara pihak-pihak berkepentingan, khususnya pihak pengurusan dan/atau pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan dengan tadbir urus, bagi memastikan bahawa prasyarat asas adalah tersedia bagi memudahkan proses pengauditan.

Etika

Aktiviti-aktiviti utama ESB pada tahun 2014 termasuk penggunaan dan kemasukan *Perubahan kepada Definisi ‘Pihak-pihak yang Dipertanggungjawabkan*

dengan Tadbir Urus’ dalam Undang-Undang Kecil MIA. Ini adalah selaras dengan perubahan kepada Kod Etika Akauntan Profesional (Kod) Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa bagi Akauntan (IESBA).

AOB memantau secara aktif perkembangan IESBA pada tahun ini yang sebahagian besarnya bermatlamat untuk mengukuhkan dan meningkatkan peruntukan dalam Kod berhubungan dengan kebebasan.

Perkhidmatan bukan jaminan

IESBA mengeluarkan draf pendedahan mengenai *Cadangan Perubahan kepada Peruntukan-peruntukan Tertentu dalam Kod untuk Menangani Perkhidmatan Bukan Jaminan bagi Pelanggan Audit* pada bulan Mei 2014. Cadangan pindaan ini bertujuan untuk memperjelas dan mengukuhkan peruntukan perkhidmatan bukan jaminan, selaras dengan kepentingan awam dan keperluan sedia ada yang terkandung dalam Kod untuk ahli-ahli pasukan audit, firma-firma dan firma-firma rangkaian bagi mengekalkan kebebasan dalam minda dan penampilan kepada para pelanggan audit.

Pindaan yang dicadangkan kepada Kod termasuk yang berikut:

- Pemansuhan peruntukan ‘pengecualian kecemasan’ yang berkaitan dengan perkhidmatan simpan kira dan cukai;
- Panduan dan penjelasan lanjut tentang tanggungjawab yang mana adalah tanggungjawab pihak pengurusan, termasuk bagaimana juruaudit boleh lebih memuaskan hatinya bahawa pihak pengurusan pelanggan akan membuat semua pertimbangan dan keputusan yang termasuk dalam tanggungjawab pihak pengurusan, apabila juruaudit tersebut menyediakan perkhidmatan bukan jaminan kepada pelanggan audit; dan
- Panduan dan penjelasan tertingkat mengenai konsep perkhidmatan ‘rutin dan mekanikal’

berhubung dengan penyediaan rekod perakaunan dan penyata kewangan bagi pelanggan audit bukan PIE.

Di Malaysia, perenggan-perenggan 290.172 dan 290.185 Undang-undang Kecil MIA melarang sesebuah firma daripada menyediakan perkhidmatan simpan kira dan cukai kepada pelanggan audit PIE, tanpa sebarang pertimbangan lanjut sama ada penyediaan perkhidmatan tersebut adalah secara rutin atau mekanikal. Oleh itu, cadangan pemansuhan peruntukan-peruntukan 'pengecualian kecemasan' akan menyelaraskan lagi keperluan Kod dengan Undang-undang Kecil MIA.

Harus diperhatikan juga bahawa syarat pelesenan juruaudit di Malaysia melarang seseorang juruaudit daripada secara langsung atau tidak langsung mencatat atau menyelenggarakan rekod-rekod perakaunan mana-mana syarikat di mana juruaudit atau firmanya adalah juruaudit syarikat tersebut, kecuali kerja-kerja perakaunan yang berkaitan dengan pengauditannya.

Penglibatan lama kakitangan

Sebagai tindak balas kepada kebimbangan pihak-pihak berkepentingan yang semakin meningkat terhadap penampilan kebebasan serta keperluan untuk memastikan bahawa ancaman yang wujud akibat penglibatan lama antara kakitangan firma audit dengan pelanggan audit dapat ditangani dengan wajar dalam semua tugas audit, IESBA telah merangka draf pendedahan mengenai *Cadangan Perubahan kepada Peruntukan-peruntukan Tertentu dalam Kod bagi Menangani Penglibatan Lama Antara Kakitangan dengan Pelanggan Audit atau Jaminan*. Pindaan utama yang dicadangkan tersebut dikaji dalam Jadual 1.

Secara keseluruhan, AOB mengesyorkan bahawa IESBA harus mempertimbangkan bakal kos tambahan untuk melibatkan rakan kongsi audit dan/atau kakitangan yang berpengalaman dalam industri yang berkaitan. Memandangkan bahawa dengan adanya sekatan tertingkat yang

diperkukuhkan, serta kepakaran sedia ada yang terhad untuk penyediaan perundingan teknikal, bidang kuasa tertentu mungkin menghadapi cabaran dalam memenuhi keperluan sumber firma masing-masing dengan kadar segera, terutamanya apabila pandangan pakar diperlukan. Firma-firma sedemikian perlu segera meneliti alternatif seperti penglibatan firma lain dalam rangkaian dan/atau sebaliknya mendapatkan pandangan daripada kakitangan audit yang berpengalaman dalam industri yang berkaitan, yang mungkin atau tidak membabitkan rentas bidang kuasa.

Berdasarkan keterangan di atas, adalah dinasihatkan agar berwaspada kerana peningkatan keseluruhan dalam kos pematuhan dan pengawalseliaan secara global mungkin menjadi suatu akibat yang tidak diingini selepas memperkenalkan cadangan pindaan kepada Kod tersebut.

INISIATIF GLOBAL DALAM PEMBAHARUAN PASARAN DAN AMALAN AUDIT

AOB terus menggalakkan pelaksanaan audit yang berkualiti oleh firma-firma audit yang memberi khidmat kepada PIE di Malaysia serta memantau perkembangan global berkaitan dengan kualiti audit yang telah menarik minat pihak-pihak tertentu di peringkat antarabangsa, seperti yang dikehendaki di bawah.

Mengikuti perkembangan kawal selia global telah membantu dalam dialog-dialog tahunan dan khusus AOB bersama juruaudit. Sebagai contoh, kemunculan isu-isu berhubung petunjuk kualiti audit dan pengawalseliaan audit PIE yang berkaitan dengan China, yang mana butiran lanjut terkandung dalam Bahagian Satu dan Dua Laporan Tahunan ini.

Pembaharuan Audit Kesatuan Eropah

Pembaharuan audit EU telah memperkenalkan Arahan yang meminda Arahan Audit Berkanun sedia ada dan Peraturan baharu mengenai keperluan

Jadual 1

Cadangan pindaan utama dalam draf pendedahan IESBA mengenai Cadangan Perubahan kepada Peruntukan-peruntukan Tertentu dalam Kod bagi Menangani Penglibatan Lama Antara Kakitangan dengan Pelanggan Audit atau Jaminan

Cadangan pindaan utama	Pertimbangan utama
1. Peruntukan-peruntukan am diperkukuhkan yang terpakai bagi semua tugas audit dan jaminan berkaitan ancaman daripada penglibatan lama.	Cadangan peningkatan telah memberikan lebih pencerahan dan kefahaman berkaitan pengenalpastian dan penilaian ancaman kebiasaan dan kepentingan diri yang wujud sebagai akibat daripada penglibatan lama. Namun demikian, perkara berikut perlu diberi perhatian: • Perlindungan yang disenaraikan adalah tidak terhad. • Pengenalpastian dan penilaian ancaman kebiasaan dan kepentingan diri yang mungkin wujud sebagai akibat penglibatan lama harus selalu dilakukan secara objektif. • Adalah penting untuk mempertimbangkan jenis peranan yang dimainkan oleh individu dalam pasukan audit masing-masing, dan sama ada peranan ini mempunyai potensi untuk menjadi ancaman kepada kebebasan dalam tugas audit. AOB menyedari bahawa di Malaysia, kebimbangan yang menimbulkan ancaman sedemikian ditangani secara semula jadi melalui kadar pengurangan kakitangan yang tinggi, yang bertindak sebagai pelindung semula jadi.
2. Keperluan tempoh bertenang mandatori yang lebih ketat bagi rakan tugas audit bagi pengauditan sebuah entiti PIE.¹ Individu yang telah bertindak sebagai rakan tugas audit pada bila-bila masa dalam tempoh tujuh tahun tidak boleh menjadi ahli pasukan tugas atau menjalankan kerja kawalan kualiti untuk tugas audit selama lima tahun. Bagi mana-mana rakan kongsi audit utama yang lain, tempoh bertenang mandatori adalah selama dua tahun.	Kebimbangan utama: • Sesetengah bidang kuasa mungkin tidak mempunyai kepakaran yang mencukupi untuk menampung tempoh bertenang yang dilanjutkan, khususnya memandangkan pengukuhan cadangan sekatan yang berkenaan semasa tempoh bertenang yang dinyatakan di atas. • Dengan persekitaran semasa yang pantas dan perubahan kerap kepada piawaian dan peraturan, tempoh bertenang yang lebih panjang selama lima tahun ditambah pula dengan sekatan yang diperkukuhkan mungkin tidak produktif kerana rakan tugas audit tidak akan menerima manfaat daripada menjejaki perkembangan terkini secara berterusan dalam industri masing-masing, sekali gus mengakibatkan kehilangan kepakaran dan pengalaman berharga. AOB mengesyorkan bahawa IESBA perlu mengenal pasti selanjutnya faktor-faktor kejayaan utama yang boleh menyokong cadangan tempoh bertenang yang dilanjutkan kepada lima tahun.

¹ Perenggan 290.151 Undang-undang Kecil MIA mengenakan keperluan yang lebih ketat di mana tempoh masa bertindak maksimum adalah lima tahun, berbanding tujuh tahun yang dibenarkan dalam Kod.

Jadual 1 (sambungan)

Cadangan pindaan utama	Pertimbangan utama
3. Sekatan diperkukuhkan terhadap jenis aktiviti yang boleh dilaksanakan dalam tempoh bertenang mandatori berkaitan dengan perkara berikut: • Perundingan dengan pasukan tugas atau pelanggan mengenai isu-isu teknikal atau khusus industri, urusan niaga atau peristiwa yang mempengaruhi tugas audit; • Tanggungjawab untuk memimpin atau menyelaraskan perkhidmatan profesional firma itu kepada pelanggan audit atau memantau hubungan syarikat dengan pelanggan audit; atau • Sebarang peranan atau aktiviti yang berkaitan dengan pelanggan audit, termasuk penyediaan perkhidmatan bukan jaminan, yang bakal menyebabkan interaksi penting atau kerap dengan pihak pengurusan kanan atau pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan dengan tadbir urus; atau yang boleh mempengaruhi hasil tugas audit secara langsung.	Kebimbangan utama: • Sesetengah bidang kuasa mungkin tidak mempunyai kepakaran yang mencukupi untuk menggalas peranan perundingan. Ini akan menjadi kebimbangan utama contohnya, dalam keadaan yang mana perundingan diperlukan pada suatu isu khusus industri dan satu-satunya pakar yang ada tidak boleh memberi khidmat nasihat disebabkan oleh kewujudan sekatan tambahan ketika tempoh bertenang. • Sekatan tambahan yang diperkenalkan secara tidak langsung boleh membawa akibat yang tidak terancang seperti meningkatnya bilangan permohonan bagi pengecualian yang diberikan di bawah perenggan 290.155 Undang-undang Kecil MIA (Perenggan 290.153 Kod)², di mana kesudahannya tidak menepati tujuan pengenalan sekatan tambahan tersebut. Oleh kerana setiap perundingan sepatutnya sentiasa dilakukan daripada sudut pandangan objektif, AOB sebaliknya mengesyorkan supaya Kod membenarkan beberapa bentuk pertimbangan, dan menghendaki perlindungan diwujudkan untuk menangani kebimbangan yang dibangkitkan. Dalam mana-mana kes, AOB menjangkakan bahawa rakan kongsi audit utama akan bertanggungjawab sepenuhnya dan memikul tanggungjawab untuk membuat keputusan muktamad tanpa menghiraukan keputusan perundingan teknikal, dengan itu mengurangkan risiko bekas rakan kongsi audit utama daripada mempengaruhi hasil tugas audit secara langsung.
4. Keperluan untuk memperoleh persetujuan pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan dengan tadbir urus mengenai penggunaan pengecualian tertentu kepada keperluan penggiliran.	AOB berpendapat bahawa keputusan untuk mengguna pengecualian kepada keperluan penggiliran sepatutnya kekal dengan firma itu. Walau bagaimanapun, untuk ketelusan dan penglibatan pelanggan yang lebih baik, firma patut berkomunikasi dengan pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan dengan tadbir urus tentang perlunya penggunaan pengecualian sedemikian, disokong oleh pendokumenan yang perlu dalam kertas kerja audit untuk mewajarkan keperluan untuk permohonan itu.

² Perenggan 290.155 Undang-undang Kecil MIA (perenggan 290.153 Kod) membenarkan pengawal selia bebas dalam bidang kuasa yang berkenaan untuk memberikan pengecualian daripada penggiliran rakan kongsi, dengan itu membolehkan seseorang individu untuk kekal sebagai rakan kongsi audit utama untuk tempoh melebihi tujuh tahun, dengan perlindungan alternatif khusus seperti semakan luaran bebas berkala.

tertentu berhubung dengan audit berkanun PIE. Undang-undang baharu tersebut berkuat kuasa pada 16 Jun 2014 dan akan diguna pakai pada 2016.

Untuk meningkatkan kualiti audit dan memulihkan keyakinan pelabur terhadap maklumat kewangan, langkah-langkah utama berikut telah diperkenalkan:

- Suruhanjaya Eropah (EC) boleh menerima pakai piawaian pengauditan antarabangsa melalui akta-akta wakilan. Pemantauan audit akan terus dilaksanakan di peringkat negara, manakala kerjasama dan penyelarasan akan dijalankan oleh Jawatankuasa Badan Pemantauan Pengauditan Eropah (CEAOB), dengan menggunakan pengalaman Lembaga Sekuriti dan Pasaran Eropah (ESMA);
- Pengukuhan maklumat melalui keperluan berikut untuk juruaudit berkanun PIE:
 - Kepada pelabur, untuk melaporkan bahagian utama risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan tahunan atau disatukan, serta setakat mana audit berkanun dipertimbangkan berupaya mengesan ketaknalaran, termasuk penipuan; dan
 - Kepada jawatankuasa audit, untuk menyediakan laporan tambahan yang mengandungi butiran lanjut mengenai hasil audit berkanun, termasuk metodologi yang digunakan, kelemahan ketara yang dikenal pasti dalam sistem kawalan dalaman, dan kaedah penilaian yang digunakan;
- Penggiliran mandatori juruaudit berkanun PIE, seperti yang dinyatakan dalam Rajah 3;
- Larangan terhadap firma-firma audit daripada menyediakan perkhidmatan bukan audit yang tertentu kepada PIE yang diaudit, khususnya khidmat nasihat percukaian dan perkhidmatan yang berkaitan dengan strategi kewangan dan pelaburan PIE yang diaudit.

“Yuran yang dijana daripada perkhidmatan bukan audit yang diberikan kepada pelanggan audit PIE dihadkan pada 70% daripada yuran purata yang dibayar untuk tiga tahun lepas yang berturut-turut, dikira di peringkat kumpulan.”

Walau bagaimanapun, negara-negara anggota EU boleh membenarkan penyediaan perkhidmatan itu jika perkhidmatan tersebut didapati tidak penting, dan tidak mempunyai kesan langsung ke atas penyata kewangan yang telah diaudit;

- Yuran yang diperolehi daripada perkhidmatan bukan audit kepada pelanggan audit PIE dihadkan pada 70% daripada yuran purata yang dibayar untuk tiga tahun lepas yang berturut-turut, dikira di peringkat kumpulan. Jika jumlah yuran daripada pelanggan audit PIE didapati melebihi 15% daripada jumlah yuran bagi firma itu dalam tempoh tiga tahun kewangan lepas yang berturut-turut, jawatankuasa audit harus mempertimbangkan sama ada untuk mengemukakan tugas audit tersebut untuk semakan kawalan kualiti audit. Jika ini berterusan, jawatankuasa audit juga harus mempertimbangkan sama ada untuk mengekalkan juruaudit, sehingga tempoh maksimum dua tahun; dan
- Pewujudan ‘pasport Eropah’ dalam bentuk sijil yang mengesahkan pendaftaran firma audit di negara asal anggotanya. Ini akan memudahkan pergerakan rentas sempadan firma-firma audit dalam EU dan mengukuhkan pasaran tunggal bagi audit.

Rajah 3

Garis masa penggiliran mandatori EU bagi juruaudit berkanun PIE



Negara anggota EU mempunyai beberapa kelonggaran dari segi pelaksanaan, yang mana keperluan yang lebih ketat berbanding dengan keperluan dalam undang-undang baharu boleh dikenakan. Walau bagaimanapun, IFAC amat khuatir bahawa kelonggaran tersebut mungkin secara tidak langsung membawa kepada pelaksanaan tidak tekal merentasi semua bidang kuasa Eropah. Keadaan ini boleh mengakibatkan penggalakan dalam perbezaan dan pemecahan dalam kawal selia, bukan sahaja dalam EU, tetapi juga dalam bidang kuasa utama yang lain, seperti AS dan Kanada.

Di samping itu, rang undang-undang dwipartisan yang diluluskan pada Julai 2013 telah meminda *Akta Sarbanes-Oxley 2002* untuk melarang PCAOB daripada menghendaki syarikat-syarikat awam untuk menggunakan juruaudit tertentu atau memerlukan penggunaan juruaudit yang berbeza secara giliran.

Pusat Kualiti Audit (CAQ)³ telah memberi amaran bahawa pelaksanaan keperluan baru tersebut boleh menjejaskan syarikat-syarikat dan juruaudit mereka di AS. CAQ berharap agar keperluan baru tersebut dapat dilaksanakan secara tekal sebaik mungkin di seluruh Eropah dengan kesan minimum di luar rantau.

Tumpuan kepada kualiti audit

Audit memainkan peranan penting dalam memupuk kepercayaan dalam kualiti laporan, yang seterusnya menyokong kestabilan kewangan global. Ini menekankan betapa pentingnya peningkatan berterusan kepada kualiti audit dan kaitannya kepada semua pihak berkepentingan yang tidak boleh dinafikan dalam rangkaian penawaran pelaporan kewangan.

³ CAQ ialah ahli gabungan Institut Akauntan Awam Bertauliah Amerika (AICPA).

Sebelum 2013, IAASB memulakan pembangunan rangka kerja yang mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kualiti audit di peringkat tugas, firma audit dan kebangsaan. Kemuncak usaha ini dapat dilihat melalui penerbitan Kertas Rundangan IAASB mengenai *Rangka Kerja Kualiti Audit* yang dikeluarkan pada bulan Januari 2013, diikuti oleh dokumen muktamad yang tidak autoritatif bertajuk *Rangka Kerja Kualiti Audit: Elemen Utama dalam Mewujudkan Persekitaran Kualiti Audit* pada 18 Februari 2014.

Rangka kerja ini menghuraikan elemen-elemen utama yang mewujudkan persekitaran kualiti audit dan menunjukkan bagaimana, secara kolektif, faktor-faktor ini mempunyai potensi untuk memberi kesan kepada sifat dan kualiti pelaporan kewangan dan secara langsung atau tidak langsung, kepada kualiti audit. Elemen-elemen ini juga dipercayai dapat memaksimumkan kemungkinan audit berkualiti dilakukan secara konsisten.

Rangka kerja ini juga mengakui bahawa kualiti audit terbaik dicapai dalam persekitaran yang disokong oleh semua peserta dalam rantai penawaran pelaporan kewangan. Dengan itu, rangka kerja ini bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai elemen-elemen utama kualiti audit yang dinyatakan di atas dan memudahkan dialog yang lebih dalam kalangan pihak berkepentingan utama, yang digalakkan untuk mencabar diri untuk lebih menyumbang dalam usaha meningkatkan kualiti audit dalam persekitaran masing-masing.

Pada bulan April 2014, CAQ mengeluarkan *Pendekatan CAQ terhadap Petunjuk Kualiti Audit (AQI)* yang menekankan bahawa firma-firma audit dikehendaki mewujudkan sistem kawalan kualiti yang mematuhi keperluan kawal selia dan undang-undang serta memastikan kewajaran laporan audit yang dikeluarkan oleh firma. Sistem kawalan kualiti bertujuan untuk menangani elemen utama yang

tertentu, seperti kebebasan, integriti, objektiviti, pengurusan kakitangan, prestasi tugas, komunikasi dan pelaporan, dan pengawasan.

Sebahagian besar AQI bersifat kuantitatif, dilengkapi dengan penjelasan kualitatif mengikut konteks serta dialog antara juruaudit dan jawatankuasa audit. Adalah dijangkakan bahawa set AQI boleh memberikan pihak yang memantau audit dengan perspektif tambahan, maklumat dan ketelusan dalam sistem dan proses yang mendasari pelaksanaan audit.

Perbincangan mengenai AQI dijangka berlaku setiap tahun dengan pengemaskinian sepanjang kitaran audit, bergantung kepada kerumitan penerbit dan tempoh masa kitaran audit. Perlu diingatkan bahawa pengenalan dan penilaian AQI merupakan proses evolusi yang memerlukan penilaian berkala dan penyempurnaan untuk memenuhi keperluan persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah-ubah.

Pengawalseliaan audit berhubung PIE berkaitan China

Pada 24 Januari 2014, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa (SEC) AS melarang cawangan Empat Firma Audit Besar global di China daripada berkhidmat untuk syarikat-syarikat tersenarai di AS selama enam bulan. Juruaudit tersebut enggan berkongsi kertas kerja mereka dengan SEC AS, dengan alasan bahawa tindakan sedemikian akan melanggar undang-undang kerahsiaan China. Setakat Jun 2014, penggantungan selama enam bulan 'ditangguhkan' sementara menanti rayuan, dengan tarikh akhir pada bulan Disember 2014.

Pada 19 Mei 2014, Kementerian Kewangan China mengeluarkan 10 cadangan peraturan baharu mengenai perkhidmatan audit rentas sempadan⁴

⁴ Perkhidmatan audit rentas sempadan merujuk kepada sebarang tugas audit yang dijalankan untuk syarikat China yang tersenarai di luar negara (termasuk cadangan penyenaian).

oleh firma perakaunan. Cadangan peraturan baharu tersebut bertujuan untuk menjelaskan peranan firma perakaunan tanah besar dan antarabangsa, serta meningkatkan taraf kualiti pengauditan syarikat di tanah besar.

Cadangan peraturan baru termasuk yang berikut:


- Lesen sementara yang dikeluarkan kepada firma perakaunan di luar negara bukan untuk menjalankan audit syarikat-syarikat yang berdaftar dan tersenarai di luar negara yang beroperasi di China. Oleh itu, firma perakaunan di luar negara tidak dibenarkan untuk menjalankan sebarang perkhidmatan audit atau mengeluarkan laporan juruaudit bebas bagi syarikat-syarikat tersebut;
- Sekiranya keperluan penyenggaraan kawal selia di luar negara menghendaki juruaudit bukan China untuk mengaudit kewangan syarikat-syarikat yang dinyatakan di atas, firma perakaunan luar negara tersebut dikehendaki bekerjasama dengan firma-firma perakaunan tempatan di China yang memiliki kelayakan sekuriti atau merupakan salah satu daripada 100 firma perakaunan teratas di China berdasarkan penilaian pada tahun sebelumnya oleh Institut Akauntan Awam Bertauliah China (CICPA). Walau bagaimanapun, pendapat dan tanggungjawab audit akan

dinyatakan oleh firma perakaunan luar negara, di mana laporan juruaudit itu tidak boleh dikuatkuasakan di China; dan

- Syarikat-syarikat China yang tersenarai di luar negara dan firma-firma perakaunan China tempatan yang bekerjasama dalam audit dikehendaki mematuhi undang-undang kerahsiaan negara dengan sepenuhnya.

Berikutan peristiwa-peristiwa ini, terdapat beberapa kes undang-undang pada tahun 2014 yang mana firma-firma audit telah diperintahkan oleh mahkamah untuk menyerahkan dokumen-dokumen atau kertas-kertas kerja audit kepada pihak pengawal selia. Dalam kes-kes ini, mahkamah menegaskan bahawa adalah tidak mencukupi untuk menyatakan bahawa dokumen tersebut mungkin mengandungi maklumat sensitif negara; firma audit mesti menunjukkan bukti bahawa ia adalah kemungkinan sebenar bahawa akauntan akan didakwa di China jika maklumat tersebut dikongsi dengan pihak-pihak berkuasa asing.

Perlu dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan China telah menjelaskan bahawa tiada larangan menyeluruh ke atas dokumen-dokumen audit yang berkaitan dengan syarikat-syarikat dan perusahaan milik kerajaan China daripada meninggalkan tanah besar, dengan syarat bahawa dokumen-dokumen ini tidak mengandungi rahsia negara.



BAHAGIAN 5

Pernyataan Tadbir Urus



PERNYATAAN TADBIR URUS

AHLI LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT



NIK MOHD HASYUDEEN YUSOFF

Dilantik 1 April 2010

Nik Mohd Hasyudeen Yusoff merupakan Pengarah Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) yang bertanggungjawab ke atas Pengawasan Pasaran dan Korporat. Beliau juga merupakan Pengerusi Eksekutif AOB.

Beliau juga ialah ahli Panel Penyemak Operasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, ahli Yayasan Pelaporan Kewangan dan juga ahli Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat yang ditubuhkan oleh BNM. Nik ialah Profesor Sambilan di Fakulti Perniagaan dan

Perakaunan, Universiti Malaya.

Nik merupakan bekas Presiden Institut Akauntan Malaysia dan juga bekas Naib Presiden Persekutuan Akauntan ASEAN. Beliau juga pernah berkhidmat dengan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dan Jawatankuasa Penyenaraian Bursa Malaysia.

Beliau memegang ijazah sarjana muda Perniagaan dari Curtin University of Technology dan felo CPA Australia.

GOH CHING YIN

Dilantik 1 April 2010

Goh Ching Yin ialah Pengarah Eksekutif bagi Pembangunan Pasaran SC.

Menerajui portfolionya, Goh bertanggungjawab ke atas strategi dan risiko, pasaran dan produk, analisis ekonomi dan pasaran dan pengurusan data. Pasukannya mengkonsepkan dan merumuskan strategi pasaran modal, produk, mekanisme pasaran dan rancangan perniagaan SC; menyediakan analisis dasar isu-isu dan input penting kepada kerajaan mengenai isu-isu yang lebih meluas yang memberi kesan terhadap pasaran modal dan ekonomi yang lebih luas. Pasukannya juga mengenal pasti dan menguruskan risiko makro kepada matlamat

pengawalseliaan SC, dan memantau inisiatif untuk membangunkan ekuiti swasta, modal teroka, derivatif dan aturan pelbagai hala.

Sebelum menyertai SC pada bulan Mac 2007, Goh mempunyai pengalaman kerjaya selama 12 tahun dalam perbankan pelaburan. Pada peringkat awal kerjayanya, beliau menyandang pelbagai jawatan kepimpinan dan pengurusan dalam bidang pembangunan perniagaan serantau, perundingan strategik, dan insolvensi korporat dan audit. Beliau memegang ijazah sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Cranfield School of Management, Cranfield University, UK.

DATO' GUMURI HUSSAIN

Dilantik 1 Januari 2012

Dato' Gumuri Hussain merupakan felo Institut Akauntan Bertauliah di England dan Wales, dan juga ahli MIA dan MICPA. Beliau merupakan ahli Suruhanjaya SC. Beliau ialah bekas Pengerusi SME Bank, jawatan yang disandang dari 2005 hingga 2013. Beliau juga merupakan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Penerbangan Malaysia

Bhd dari tahun 2002 hingga 2004. Sebelum itu, beliau adalah Rakan Kanan dan Timbalan Pengerusi Lembaga Tadbir Urus PricewaterhouseCoopers Malaysia. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bank Industri & Teknologi Malaysia Bhd, Rangkaian Hotel Seri Malaysia Bhd, Malaysian Airline System Bhd dan Sabah Bank Bhd.

DATUK NOR SHAMSIAH MOHD YUNUS

Dilantik 1 April 2010

Datuk Nor Shamsiah Yunus ialah Timbalan Gabenor BNM. Beliau bertanggungjawab ke atas bahagian pengawasan yang menyelia bank komersial (bank konvensional dan Islam), bank-bank pelaburan, syarikat insurans (konvensional dan takaful) dan institusi kewangan pembangunan. Beliau juga menyelia Pengurusan Modal Insan Strategik, fungsi perkhidmatan perkongsian korporat, dan fungsi risikan kewangan dan penguatkuasaan. Datuk Nor Shamsiah ialah salah seorang ahli Lembaga Pengarah BNM. Beliau juga ialah ahli Jawatankuasa Dasar Monetari, Jawatankuasa Dasar Kestabilan Kewangan dan Jawatankuasa Dasar Bersama.

Datuk Nor Shamsiah mewakili BNM dalam beberapa forum serantau dan antarabangsa dalam bidang pengawasan perbankan dan anti pengubahan wang haram. Beliau menyertai BNM pada April 1987 dan mempunyai pengalaman yang luas dalam pembangunan pengawalseliaan berhemat, perundangan, dasar dan garis panduan untuk sektor kewangan. Beliau memegang ijazah sarjana muda Perakaunan dari University of South Australia dan merupakan ahli felo CPA Australia.

CHEONG KEE FONG

Dilantik 1 April 2010

Cheong Kee Fong merupakan Rakan Kongsi Cheong Kee Fong & Co sejak Januari 1990. Beliau ialah pemilik tunggal Cheong Kee Fong & Co dari bulan November 1988 hingga Disember 1989.

Sebelum ini beliau merupakan ahli Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang Korporat yang ditubuhkan oleh SSM dan ahli Jawatankuasa Kewangan Kumpulan Kerja II Tadbir Urus Korporat di Malaysia. Cheong juga merupakan ahli Yayasan

Pelaporan Kewangan dari tahun 1997-2001, SSM dan Jawatankuasa Auditnya dari tahun 2002-2005.

Cheong memperolehi ijazah LLB (Kepujian) dari University of Singapore dan Ijazah Sarjana Undang-undang dari Harvard Law School. Beliau adalah seorang peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Agung, Republik Singapura.

CHOK KWEE BEE

Dilantik 1 April 2010

Chok Kwee Bee ialah Pengarah Urusan Teak Capital Sdn Bhd, sebuah syarikat pengurusan modal teroka yang mengurus dana teknologi di bawah Program Rakan Penyumberan Luar Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP).

Sebelum itu, Kwee Bee berkhidmat dengan Walden International, sebuah firma modal teroka berpengkalan di Lembah Silikon, mengawasi operasi dan pelaburan untuk Walden International dan BI Walden di Malaysia. Sebelum menjadi pemodal

teroka, Kwee Bee merupakan Ketua Kewangan Korporat di AmInvestment Bank.

Kwee Bee kini merupakan ahli Majlis Pembangunan Modal Teroka Malaysia (MVCDC). Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Hong Leong Bank Bhd dan beberapa syarikat portfolio. Sebelum ini beliau pernah menjadi ahli Majlis Penasihat Pasaran Modal SC, ahli Jawatankuasa Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan dan juga Pengerusi Persatuan Modal Teroka dan Ekuiti Swasta Malaysia (MVCA).

KEHADIRAN MESYUARAT

Pada tahun 2014, AOB telah bermesyuarat sebanyak lapan kali. Kehadiran ahli-ahli Lembaga Pengarah adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

Ahli Lembaga	Bilangan mesyuarat yang dihadiri
Nik Mohd Hasyudeen Yusoff	8
Goh Ching Yin	7
Dato' Gumuri Hussain	8
Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunos	3
Cheong Kee Fong	7
Chok Kwee Bee	8
Dato' Naim Daruwish (bersara pada 16 September 2014)	1

PROSEDUR MESYUARAT

Notis mengenai isu yang akan dibincangkan diberi melalui pengedaran agenda dan kertas untuk dipertimbangan di mesyuarat Lembaga. Mesyuarat ini menyediakan forum perbincangan seimbang bagi membincangkan isu-isu dan membuat keputusan yang telus.

Set lengkap minit semua mesyuarat Lembaga Pengarah disimpan oleh Setiausaha Lembaga.

JAWATANKUASA PENDAFTARAN

Seksyen 31EA SCA memperuntukkan bahawa AOB boleh menubuhkan sebarang jawatankuasa yang difikirkan perlu atau sesuai untuk membantu AOB melaksanakan tanggungjawabnya seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 31E (1) SCA.

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah bertanggungjawab dalam membantu AOB dalam melaksanakan fungsinya di bawah SCA. Tanggungjawab ini termasuk:

1. Melaksanakan dasar dan program untuk memastikan sistem pemantauan audit yang berkesan di Malaysia.
2. Mendaftar atau mengiktiraf juruaudit PIE bagi tujuan yang ditetapkan oleh SCA.
3. Mengarahkan MIA untuk mewujudkan atau mengguna pakai, atau kedua-duanya sekali, piawaian pengauditan dan etika untuk digunakan oleh juruaudit.
4. Mengendalikan program pemeriksaan dan pemantauan ke atas juruaudit untuk menilai tahap pematuan piawaian pengauditan dan etika.
5. Menjalankan siasatan dan mengenakan sekatan yang sesuai terhadap juruaudit yang gagal mematuhi piawaian pengauditan dan etika.
6. Bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan dalam merumuskan dan melaksanakan strategi untuk meningkatkan mutu penzahiran kewangan PIE.
7. Berhubung dan bekerjasama dengan badan pengawasan di luar Malaysia untuk meningkatkan kedudukan profesion pengauditan di Malaysia dan di peringkat antarabangsa.
8. Melaksanakan kewajipan atau fungsi lain yang seumpamanya, yang dianggap perlu atau sesuai oleh AOB, bagi meningkatkan tahap profesionalisme yang tinggi dalam kalangan juruaudit dan memperbaiki kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh juruaudit.


Sehubungan ini, Jawatankuasa Pendaftaran telah ditubuhkan pada tahun 2011 untuk menentukan perkara berkaitan dengan kelulusan permohonan untuk pendaftaran atau pengiktirafan juruaudit dengan AOB. Jawatankuasa Pendaftaran memberi cadangan kepada Lembaga, untuk Lembaga membincangkan dan membuat keputusan


berkenaan perkara yang berkaitan dengan pembatalan, penggantungan dan ketidاكلulusan.

Ahli Jawatankuasa Pendaftaran adalah:

- Nik Mohd Hasyudeen Yusoff
- Goh Ching Yin

STRUKTUR ORGANISASI





BAHAGIAN 6

Penyata Kewangan dan Lain-lain



LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT

PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR

31 DISEMBER 2014

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2014

	Nota	2014 RM	2013 RM
Aset			
Aset semasa			
Pelbagai penghutang	4	87,655	80,850
Tunai dan setara tunai	5	1,118,651	828,350
Jumlah aset		1,206,306	909,200
Rizab			
Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)	6	12,500,000	9,000,000
Defisit terkumpul	7	(11,379,980)	(8,120,800)
Jumlah rizab		1,120,020	879,200
Liabiliti semasa			
Pemiutang lain dan akruan	8	86,286	30,000
Jumlah liabiliti		86,286	30,000
Jumlah rizab dan liabiliti		1,206,306	909,200

Nota pada muka surat 81 hingga 91 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



Datuk Ranjit Ajit Singh
Pengerusi
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



Nik Mohd Hasyudeen Yusoff
Pengerusi Eksekutif
Lembaga Pemantauan Audit

Tarikh: 29 Januari 2015

PENYATA KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	Nota	2014 RM	2013 RM
Pendapatan			
Yuran pendaftaran		1,829,766	1,885,177
Pendapatan kewangan daripada deposit tetap	9	88,653	65,730
Pendapatan operasi lain		40,000	15,000
		1,958,419	1,965,907
Perbelanjaan operasi			
Perbelanjaan pentadbiran	10	(5,217,599)	(5,014,983)
Defisit sebelum cukai		(3,259,180)	(3,049,076)
Perbelanjaan cukai	13	—	—
Defisit bagi tahun/Jumlah perbelanjaan komprehensif bagi tahun		(3,259,180)	(3,049,076)

Nota pada muka surat 81 hingga 91 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	2014 RM	2013 RM
Aliran tunai daripada aktiviti operasi		
Defisit sebelum cukai	(3,259,180)	(3,049,076)
Pelarasan bagi:		
Pendapatan pembiayaan	(88,653)	(65,730)
Defisit operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	(3,347,833)	(3,114,806)
Perubahan dalam pelbagai penghutang	(6,805)	–
Perubahan dalam pelbagai pemiutang dan akruan	56,286	(33,106)
Tunai bersih dalam aktiviti operasi	(3,298,352)	(3,147,912)
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan		
Pendapatan pembiayaan	88,653	65,730
Peningkatan dalam deposit terhad	(40,000)	(15,000)
Tunai bersih daripada aktiviti pelaburan	48,653	50,730
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan		
Dana diterima daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	3,500,000	3,000,000
Tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan	3,500,000	3,000,000
Peningkatan/(Pengurangan) bersih dalam tunai dan setara tunai	250,301	(97,182)
Tunai dan setara tunai pada 1 Januari	808,350	905,532
Tunai dan setara tunai pada 31 Disember	1,058,651	808,350
Tunai dan setara tunai terdiri daripada:		
Tunai dan baki di bank	118,651	328,350
Deposit di bank berlesen	1,000,000	500,000
	1,118,651	828,350
Tolak: Deposit terhad	(60,000)	(20,000)
	1,058,651	808,350

Nota pada muka surat 81 hingga 91 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA BAGI PENYATA KEWANGAN

1. UMUM

Pada 1 April 2010, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) menubuhkan Lembaga Pemantauan Audit (AOB) di bawah seksyen 31C dalam *Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993* (SCA). AOB ditubuhkan bagi tujuan yang dinyatakan dalam seksyen 31B dalam SCA, iaitu:

- a. Untuk menggalakkan dan membangunkan kerangka kerja pemantauan audit yang efektif dan teguh di Malaysia,
- b. Untuk meningkatkan keyakinan dalam kualiti dan keandalan penyata kewangan teraudit di Malaysia, dan
- c. Untuk mengawal selia juruaudit bagi entiti kepentingan awam.

Untuk memudah cara tujuan yang dinyatakan di atas, sebuah dana yang dinamai Dana AOB telah ditubuhkan di bawah seksyen 31H Akta. Dana AOB ini ditadbir oleh SC. SC memberikan sokongan pentadbiran dan perakaunan kepada Dana AOB dan menyediakan akaun yang berasingan daripada akaun SC menurut seksyen 31L(5) Akta. SC akan terus menyediakan sokongan kewangan kepada AOB untuk masa depan yang boleh dijangka.

2. ASAS PENYEDIAAN

(a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan SC telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), dan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa.

Berikut adalah piawaian, pindaan dan interpretasi yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) tetapi belum diguna pakai oleh AOB:

MFRS, Interpretasi dan pindaan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2014

- Pindaan kepada MFRS 1, *First-time Adoption of Malaysian Financial Reporting Standards (Annual Improvements 2011–2013 Cycle)*
- Pindaan kepada MFRS 2, *Share-based Payment (Annual Improvements 2010–2012 Cycle)*
- Pindaan kepada MFRS 3, *Business Combinations (Annual Improvements 2010–2012 Cycle and 2011–2013 Cycle)*
- Pindaan kepada MFRS 8, *Operating Segments (Annual Improvements 2010–2012 Cycle)*
- Pindaan kepada MFRS 13, *Fair Value Measurement (Annual Improvements 2010–2012 Cycle and 2011–2013 Cycle)*
- Pindaan kepada MFRS 116, *Property, Plant and Equipment (Annual Improvements 2010–2012 Cycle)*
- Pindaan kepada MFRS 119, *Employee Benefits – Defined Benefit Plans: Employee Contributions*
- Pindaan kepada MFRS 124, *Related-Party Disclosures (Annual Improvements 2010–2012 Cycle)*
- Pindaan kepada MFRS 138, *Intangible Assets (Annual Improvements 2010–2012 Cycle)*
- Pindaan kepada MFRS 140, *Investment Property (Annual Improvements 2011–2013 Cycle)*

MFRS, Interpretasi dan pindaan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016

- Pindaan kepada MFRS 5, *Non-current Assets Held for Sale and Discontinued Operations (Annual Improvements 2012–2014 Cycle)*
- Pindaan kepada MFRS 7, *Financial Instruments: Disclosures (Annual Improvements 2012–2014 Cycle)*
- Pindaan kepada MFRS 10, *Consolidated Financial Statements* dan MFRS 128, *Investments in Associates and Joint Ventures – Sale or Contribution of Assets between an Investor and its Associate or Joint Venture*
- Pindaan kepada MFRS 11, *Joint Arrangements – Accounting for Acquisitions of Interests in Joint Operations*
- MFRS 14, *Regulatory Deferral Accounts*
- Pindaan kepada MFRS 116, *Property, Plant and Equipment* dan MFRS 138, *Intangible Assets – Clarification of Acceptable Methods of Depreciation and Amortisation*
- Pindaan kepada MFRS 116, *Property, Plant and Equipment* dan MFRS 141, *Agriculture – Agriculture: Bearer Plants*
- Pindaan kepada MFRS 119, *Employee Benefits (Annual Improvements 2012–2014 Cycle)*
- Pindaan kepada MFRS 127, *Separate Financial Statements – Equity Method in Separate Financial Statements*
- Pindaan kepada MFRS 134, *Interim Financial Reporting (Annual Improvements 2012–2014 Cycle)*
- Pindaan kepada MFRS 101, *Presentation of Financial Statements: Disclosure Initiative*
- Pindaan kepada MFRS 10, *Consolidated Financial Statements*, MFRS 12, *Disclosure of Interests in Other Entities* dan MFRS 128, *Investments in Associates and Joint Ventures – Investment Entities: Applying the Consolidation Exception*

MFRS, Interpretasi dan pindaan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017

- MFRS 15, *Revenue from Contracts with Customers*

MFRS, Interpretasi dan pindaan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018

- MFRS 9, *Financial Instruments (2014)*

AOB merancang mengguna pakai piawaian, pindaan dan interpretasi yang dinyatakan di atas yang terpakai dan berkuat kuasa dari tempoh tahunan masing-masing bermula pada atau selepas 1 Julai 2014, 1 Januari 2016, 1 Januari 2017 dan 1 Januari 2018.

Pemakaian awal piawaian, pindaan dan interpretasi yang dinyatakan di atas tidak dijangka memberikan apa-apa impak kewangan yang besar kepada penyata kewangan AOB bagi tempoh semasa dan tempoh sebelumnya melainkan seperti yang dinyatakan di bawah.

MFRS 9, Financial Instruments

MFRS 9 menggantikan panduan dalam MFRS 139, *Financial Instruments: Recognition and Measurement* berhubung dengan pengelasan dan pengukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan, serta berhubung dengan perakaunan lindung nilai.

(b) Asas pengukuran

Penyata kewangan disediakan mengikut asas kos sejarah, kecuali yang dinyatakan dalam Nota 3.

(c) Mata wang fungsi dan pembentangan

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsi AOB. Semua maklumat kewangan dinyatakan dalam RM.

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan dalam pematuhan dengan MFRS memerlukan pengurusan membuat pertimbangan anggaran dan andaian yang menjejaskan pemakaian dasar perakaunan dan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas disemak secara berterusan. Penyemakan anggaran perakaunan dikira dalam tempoh yang anggaran tersebut disemak dan dalam mana-mana tempoh akan datang yang berkenaan.

Tiada bahagian ketara bagi ketidakpastian anggaran dan pertimbangan kritikal dalam menggunakan pakai dasar perakaunan yang mempunyai kesan ke atas amaun yang dikira dalam penyata kewangan.

3. DASAR PERAKAUNAN UTAMA

Dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna secara konsisten bagi tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini, dan telah diguna secara konsisten oleh AOB, melainkan dinyatakan sebaliknya.

(a) Instrumen kewangan

(i) Pengiraan dan pengukuran awal

Aset kewangan atau liabiliti kewangan dikira dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, AOB menjadi satu pihak dalam peruntukan berkontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan dikira pada awalnya, pada nilai saksamanya dicampur, dalam kes kewangan yang bukan pada nilai saksama melalui keuntungan dan kerugian, kos transaksi yang secara langsung menyebabkan pengambilan atau pengeluaran instrumen kewangan.

(ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya

AOB mengkategorikan instrumen kewangan seperti yang berikut:

Aset kewangan

Pinjaman dan penghutang

Kategori pinjaman dan penghutang terdiri daripada pelbagai penghutang dan tunai dan setara tunai.

Aset kewangan yang dikategorikan sebagai pinjaman dan penghutang kemudiannya diukur pada kos pelunasan dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

Semua aset kewangan tertakluk kepada semakan semula bagi elaun rosot nilai (lihat Nota 3(c)).

Liabiliti kewangan

Semua liabiliti kewangan kemudiannya diukur pada kos pelunasan dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

(iii) Tidak diambil kira

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya tidak diambil kira apabila, dan hanya apabila hak berkontrak bagi aliran tunai daripada aset kewangan itu luput atau kawalan aset tersebut tidak dikekalkan atau sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan dipindahkan kepada pihak lain. Apabila aset kewangan tidak diambil kira, perbezaan antara amaun bawaan dengan jumlah balasan yang diterima (termasuk mana-mana aset yang diperolehi tolak apa-apa liabiliti baharu yang diambil alih) dan apa-apa keuntungan terkumpul atau kerugian yang telah dikira dalam ekuiti, dikira dalam keuntungan atau kerugian.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya tidak diambil kira apabila, dan hanya apabila, obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau luput. Apabila liabiliti kewangan tidak diambil kira, perbezaan antara amaun bawaan liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan balasan dibayar, termasuk mana-mana aset bukan tunai yang dipindahkan atau diambil alih liabilitinya, dikira dalam keuntungan atau kerugian.

(b) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, baki dan deposit dalam bank yang mempunyai risiko tidak ketara dalam perubahan nilai saksama dengan kematangan asal tiga bulan atau kurang. Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai dinyatakan selepas ditolak deposit terhad.

(c) Rosot nilai**Aset kewangan**

Semua aset kewangan dinilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat atau tidak apa-apa bukti benar rosot nilai disebabkan oleh satu atau lebih peristiwa yang meninggalkan impak ke atas anggaran aliran tunai pada masa akan datang bagi aset tersebut. Kerugian yang dijangka disebabkan oleh peristiwa akan datang, walau bagaimana pasti sekalipun, tidak akan diambil kira.

Kerugian rosot nilai berhubung dengan pinjaman dan penghutang dikira dalam keuntungan atau kerugian, dan diukur sebagai perbezaan antara amaun bawaan aset dan nilai semasa bagi anggaran aliran tunai akan datang didiskaunkan pada kadar faedah efektif yang asal. Nilai bawaan aset diturunkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

Jika, dalam satu-satu tempoh berikutnya, nilai saksama aset kewangan meningkat dan peningkatan tersebut boleh dikaitkan dengan jelas dengan peristiwa yang berlaku selepas kerugian rosot nilai dikira dalam keuntungan atau kerugian, kerugian rosot nilai akan ditarik balik, setakat amaun bawaan aset tidak melebihi nilai bawaan yang mungkin sekiranya rosot nilai tidak dikira pada tarikh rosot nilai tersebut dibalikkan. Nilai penarikbalikan dikira dalam keuntungan atau kerugian.

(d) Pendapatan**Yuran pendaftaran**

Yuran pendaftaran daripada juruaudit bagi entiti kepentingan awam dikira dalam keuntungan atau kerugian apabila pembayaran tersebut diterima.

Pendapatan pembiayaan

Pendapatan pembiayaan dikira apabila terakru dengan menggunakan kaedah faedah efektif dalam keuntungan dan kerugian.

(e) Manfaat kakitangan**(i) Manfaat kakitangan jangka pendek**

Obligasi manfaat kakitangan jangka pendek berhubung dengan gaji, bonus tahunan, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit diukur secara tidak terdiskaun dan dikira sebagai perbelanjaan bagi perkhidmatan berkaitan yang diberikan.

Liabiliti dikira bagi amaun yang jangka akan dibayar jika AOB mempunyai obligasi undang-undang atau obligasi konstruktif untuk membayar amaun ini disebabkan oleh perkhidmatan lampau yang diberikan oleh kakitangan dan obligasi tersebut dapat dianggar dengan pasti.

(ii) **Pelan negara**

Caruman AOB ke dalam dana persaraan berkanun dicajkan ke dalam keuntungan atau kerugian dalam tahun kewangan yang berkaitan dengannya. Caruman prabayar dikira sebagai aset setakat pembayaran balik tunai atau pengurangan dalam pembayaran masa akan datang, jika ada.

(f) **Pengukuran nilai saksama**

Nilai saksama bagi aset atau liabiliti ditentukan sebagai harga yang akan diterima untuk menjual sesuatu aset atau harga yang dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam transaksi secara tertib antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran tersebut menganggap bahawa transaksi untuk menjual aset tersebut atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada dalam pasaran utama atau dalam ketakhadiran pasaran utama, dalam pasaran paling berfaedah.

Bagi aset bukan kewangan, pengukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset dalam kegunaan tertinggi dan terbaiknya atau menjualnya kepada peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset tersebut dalam kegunaan tertinggi dan terbaiknya.

Semasa mengukur nilai saksama aset atau liabiliti, setakat yang mungkin, AOB menggunakan data pasaran boleh cerap. Nilai saksama dikategorikan mengikut peringkat berbeza dalam hierarki nilai saksama berdasarkan input yang digunakan dalam teknik penilaian seperti yang berikut:

- Tahap 1: harga sebutan (tak terlaras) dalam pasaran aktif untuk aset atau liabiliti serupa yang boleh diakses oleh AOB pada tarikh pengukuran.
- Tahap 2: input selain harga sebutan terangkum dalam Tahap 1 yang boleh diceraip bagi aset atau liabiliti tersebut, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- Tahap 3: input tak boleh cerap bagi aset atau liabiliti.

AOB mengira pindahan antara tahap hierarki nilai saksama pada tarikh peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menyebabkan pemindahan.

4. **PELBAGAI PENGHUTANG**

	2014 RM	2013 RM
Deposit dan prabayaran	87,655	80,850

5. TUNAI DAN SETARA TUNAI

	2014 RM	2013 RM
Tunai dan baki di bank	118,651	328,350
Deposit di bank berlesen	1,000,000	500,000
	<u>1,118,651</u>	<u>828,350</u>

Termasuk dalam deposit di bank berlesen adalah RM60,000 (2013: RM20,000) yang terhad untuk digunakan bagi perancangan dan pelaksanaan program pembangunan kapasiti yang berkaitan dengan profesion perakaunan dan pengauditan.

Tunai dan setara tunai tersebut disimpan di bank berlesen yang berada di bawah kawalan bersama Kerajaan Malaysia (pihak yang mempunyai pengaruh ketara langsung atau tidak langsung ke atas AOB).

6. DANA DARIPADA SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA

	2014 RM	2013 RM
Sumbangan tunai:		
Pada awal tahun	9,000,000	6,000,000
Tambahan	3,500,000	3,000,000
Pada akhir tahun	<u>12,500,000</u>	<u>9,000,000</u>

7. DEFISIT TERKUMPUL

	2014 RM	2013 RM
Pada awal tahun	(8,120,800)	(5,071,724)
Kerugian bagi tahun	(3,259,180)	(3,049,076)
Pada akhir tahun	<u>(11,379,980)</u>	<u>(8,120,800)</u>

8. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

	2014 RM	2013 RM
Amaun perlu dibayar kepada SC	65,086	–
Akruan	21,200	30,000
	<u>86,286</u>	<u>30,000</u>

Amaun perlu dibayar kepada SC adalah tidak bercagar, tiada faedah dan dibayar balik atas permintaan.

9. PENDAPATAN KEWANGAN DARIPADA DEPOSIT TETAP

	2014 RM	2013 RM
Pendapatan kewangan bagi aset kewangan yang bukan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian	88,653	65,730

10. Perbelanjaan pentadbiran

	2014 RM	2013 RM
Perbelanjaan pentadbiran terdiri daripada:		
Ganjaran juruaudit	20,000	20,000
Bayaran honorarium	45,372	56,688
Elaun ahli bukan eksekutif	81,000	87,000
Pelbagai caj lain	296,085	290,364
Sewa premis	328,350	311,286
Kos kakitangan	4,446,792	4,249,645
	<u>5,217,599</u>	<u>5,014,983</u>

11. INSTRUMEN KEWANGAN

11.1 Kategori instrumen kewangan

Jadual di bawah memberikan analisis instrumen kewangan yang dikategorikan seperti yang berikut:

- (a) Pinjaman dan penghutang (L&R); dan
- (b) Liabiliti kewangan lain diukur pada kos terlunas (FL).

	Amaun bawaan RM	L&R RM	FL RM
2014			
Aset kewangan			
Pelbagai penghutang, tidak termasuk prabayaran	80,850	80,850	–
Tunai dan setara tunai	1,118,651	1,118,651	–
	<u>1,199,501</u>	<u>1,199,501</u>	<u>–</u>
Liabiliti kewangan			
Pelbagai pemiutang dan akruan	(86,286)	–	(86,286)
	<u>(86,286)</u>	<u>–</u>	<u>(86,286)</u>
2013			
Aset kewangan			
Pelbagai penghutang	80,850	80,850	–
Tunai dan setara tunai	828,350	828,350	–
	<u>909,200</u>	<u>909,200</u>	<u>–</u>
Liabiliti kewangan			
Pelbagai pemiutang dan akruan	(30,000)	–	(30,000)
	<u>(30,000)</u>	<u>–</u>	<u>(30,000)</u>

11.2 Laba diperoleh daripada instrumen kewangan

	2014 RM	2013 RM
Laba diperoleh daripada:		
Pinjaman dan penghutang	88,653	65,730
	<u>88,653</u>	<u>65,730</u>

11.3 Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan

AOB terdedah terutamanya kepada risiko kewangan kecairan sepanjang tempoh operasi normalnya. Oleh sebab AOB ditadbir oleh SC, AOB adalah tertakluk kepada dasar pengurusan risiko kewangan SC.

11.4 Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian kepada AOB jika pihak berlawanan kepada instrumen kewangan gagal mematuhi obligasi kontraknya.

AOB tidak terdedah kepada sebarang risiko kredit kerana AOB tidak mempunyai hutang dagangan.

11.5 Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko yang AOB tidak akan dapat memenuhi obligasi kewangannya apabila tiba tempohnya.

Melalui SC, AOB memantau dan mengekalkan aras tunai dan setara tunai yang difikirkan cukup untuk membiayai operasi AOB dan untuk mengurangkan kesan turun naik dalam aliran tunai.

Analisis kematangan

Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti kewangan AOB pada penghujung tempoh pelaporan berdasarkan aliran tunai berkontrak tidak terdiskaun.

	Amaun bawaan RM	Aliran tunai berkontrak RM	Bawah 1 tahun RM
2014			
Liabiliti kewangan			
Pelbagai pemiutang dan akruan	86,286	86,286	86,286
2013			
Liabiliti kewangan			
Pelbagai pemiutang dan akruan	30,000	30,000	30,000

11.6 Risiko pasaran

Risiko pasaran adalah risiko yang berubah-ubah dalam harga pasaran, seperti kadar faedah yang akan menjejaskan kedudukan kewangan atau aliran tunai AOB.

11.6.1 Risiko kadar faedah

Profil kadar faedah instrumen kewangan yang menanggung faedah ketara AOB, berdasarkan amaun bawaan pada penghujung tempoh pelaporan adalah:

	2014 RM	2013 RM
Instrumen kadar tetap		
Aset kewangan	1,000,000	500,000

Analisis sensitiviti risiko kadar faedah

Analisis sensitiviti nilai saksama bagi instrumen kadar tetap

AOB tidak mengambil kira apa-apa aset kewangan kadar tetap pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, dan AOB tidak menetapkan derivatif sebagai instrumen lindung nilai di bawah model perakaunan lindung nilai saksama. Oleh itu, perubahan dalam kadar faedah pada penghujung tempoh pelaporan tidak akan menjejaskan keuntungan atau kerugian.

11.7 Nilai saksama

Berhubung dengan tunai dan setara tunai, pelbagai penghutang, pelbagai pemiutang dan akruan, amaun bawaan menganggarkan nilai saksama yang disebabkan oleh instrumen kewangan yang berjangka pendek.

12. PENGURUSAN DANA

Objektif AOB adalah untuk mengekalkan rizab yang cukup untuk memelihara keupayaan AOB bagi melaksanakan kewajipan dan fungsinya dengan bebas. Rizab ini diuruskan oleh SC.

13. PERBELANJAAN CUKAI

SC telah diberikan kelulusan oleh Menteri Kewangan agar dikecualikan daripada cukai berkuat kuasa dari Tahun Taksiran 2007 hingga Tahun Taksiran 2014. Dengan ini, AOB turut dikecualikan daripada cukai.

14. PEMBERIAN KEBENARAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 ini diberikan kebenaran oleh SC untuk dikeluarkan dan ditandatangani oleh Pengerusi SC dan Pengerusi Eksekutif AOB pada 29 Januari 2015.

PERAKUAN BERKANUN

Saya, **Vignaswaran A/L Kandiah**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Lembaga Pemantauan Audit, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya berikrar bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 78 hingga 91 adalah betul sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya, dan saya membuat ikrar ini dengan penuh kepercayaan bahawa ia benar dan menurut peruntukan *Akta Perakuan Berkanun, 1960*.

Ditandatangani dan diikrarkan oleh penama di atas di Kuala Lumpur pada 29 Januari 2015.



.....
Vignaswaran A/L Kandiah

Di hadapan saya:



LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT

LAPORAN PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan Lembaga Pemantauan Audit (AOB), yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2014, dan penyata keuntungan atau kerugian dan pendapatan komprehensif lain, dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan bagi dasar perakaunan utama dan maklumat penjelasan lain, sebagaimana yang dibentangkan dalam muka surat 78 hingga 91.

Tanggungjawab Ahli Suruhanjaya bagi Penyata Kewangan

Ahli Suruhanjaya bagi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Suruhanjaya) bertanggungjawab atas penyediaan penyata kewangan untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa. Ahli Suruhanjaya juga bertanggungjawab atas kawalan dalaman sebagaimana yang ditentukan oleh Ahli Suruhanjaya untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang penting, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan suatu pendapat tentang penyata kewangan ini berdasarkan pengauditan kami. Kami melaksanakan pengauditan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan bagi memberikan jaminan yang wajar sama ada penyata kewangan ini bebas daripada salah nyata yang penting atau tidak.

Pengauditan melibatkan prosedur pelaksanaan untuk memperoleh bukti pengauditan tentang amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata yang penting tentang penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penaksiran risiko tersebut, kami menganggap pemantauan dalaman yang relevan dengan penyediaan penyata kewangan oleh Suruhanjaya yang memberikan gambaran yang benar dan saksama untuk merangka prosedur pengauditan yang sewajarnya dalam keadaan tertentu, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman AOB. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan yang dibuat oleh Ahli Suruhanjaya, serta menilai keseluruhan pembentangan penyata kewangan.

Kami percaya bukti pengauditan yang telah kami peroleh adalah mencukupi dan wajar untuk dijadikan asas bagi pendapat pengauditan.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberikan gambaran benar dan saksama tentang kedudukan kewangan AOB pada 31 Disember 2014 dan tentang prestasi kewangan dan aliran tunainya bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa.

HAL-HAL LAIN

Laporan ini dibuat semata-mata untuk para Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sebagai satu badan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada pihak lain berhubung dengan kandungan laporan ini.



KPMG

Nombor Firma: AF 0758
Akauntan Bertauliah



Loh Kam Hiar

Nombor kelulusan: 2941/09/16(J)
Akauntan Bertauliah

Petaling Jaya, Malaysia

Tarikh: 29 Januari 2015

AKRONIM DAN SINGKATAN

AARG	Kumpulan Pengawal Selia Audit ASEAN
AASB	Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan
ACCA	Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun
ACGA	Persatuan Tadbir Urus Korporat Asian
ACRA	Autoriti Pengawalseliaan Perakaunan dan Korporat Singapura
AFM	Autoriti Pasaran Kewangan Belanda
AICPA	Institut Akauntan Awam Bertauliah Amerika
AIF	Institut Kewangan Asian
AOB	Lembaga Pemantauan Audit
AQI	Petunjuk Kualiti Audit
AS	Amerika Syarikat
ASEAN	Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara
BNM	Bank Negara Malaysia
CAQ	Pusat Kualiti Audit
CEAOB	Jawatankuasa Badan Pemantauan Pengauditan Eropah
CG	Tadbir urus korporat
CICPA	Institut Akauntan Awam Bertauliah China
CPA Australia	Akauntan Pengamal Bertauliah Australia
CPE	Pendidikan Profesional Berterusan
CSAP	Jawatankuasa untuk Mengukuhkan Profesion Perakaunan
EAIG	Kumpulan Pemeriksaan Audit Eropah
EC	Suruhanjaya Eropah
EQCR	Penyemak Kawalan Kualiti Tugas
ESB	Lembaga Piawaian Etika
ESMA	Lembaga Sekuriti dan Pasaran Eropah
EU	Kesatuan Eropah
FPLC	Federation of Public Listed Companies Bhd
GPPC	Jawatankuasa Dasar Awam Global
IAASB	Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan Antarabangsa
IASB	Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa
IESBA	Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa bagi Akauntan
IFAC	Persekutuan Akauntan Antarabangsa
IFIAR	Forum Pengawal Selia Audit Bebas Antarabangsa
IFRS	Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa
IIAM	Institut Juruaudit Dalam Malaysia
IIRC	Majlis Pelaporan Bersepadu Antarabangsa

ISA	Piawaian Antarabangsa tentang Pengauditan
ISQC	Piawaian Antarabangsa tentang Kawalan Kualiti
MASB	Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia
MAVCAP	Malaysia Venture Capital Management Bhd
MFRS	Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia
MIA	Institut Akauntan Malaysia
MICG	Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia
MICPA	Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia
MVCA	Persatuan Modal Teroka dan Ekuiti Swasta Malaysia
MVDCD	Majlis Pembangunan Modal Teroka Malaysia
PAOC	Jawatankuasa Pemantauan Akauntan Awam
PCAOB	Lembaga Pemantauan Perakaunan Syarikat Awam
PIE	Entiti berkepentingan awam
PLC	Syarikat awam tersenarai
RWG	Kumpulan Kerja Pengawal-seliaan
SEC	Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa
SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
SCA	<i>Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993</i>
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
UK	United Kingdom
Undang-undang kecil MIA	Undang-undang kecil MIA (Tentang Etika Profesional, Tatalaku dan Amalan)

DEFINISI

Empat Firma Audit Besar	Deloitte & Touche, Ernst & Young, KPMG dan PricewaterhouseCoopers.
Entiti Berkepentingan Awam (PIE)	Entiti yang dinyatakan dalam Jadual 1 SCA: (a) suatu syarikat tersenarai awam atau perbadanan yang disenaraikan di bursa saham; (b) suatu institusi berlesen yang dilesenkan di bawah <i>Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989</i>; (c) suatu syarikat insurans yang dilesenkan di bawah <i>Akta Insurans 1996</i>; (d) suatu pengendali takaful yang didaftarkan di bawah <i>Akta Takaful 1984</i>; (e) suatu bank Islam yang dilesenkan di bawah <i>Akta Bank Islam 1983</i>; (f) suatu institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah <i>Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002</i>; (g) pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk menjalankan aktiviti terkawal bagi berniaga dalam sekuriti, berniaga dalam derivatif atau pengurusan kumpulan wang; dan (h) mana-mana orang lain sebagaimana yang Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam <i>Warta</i>.
Firma Audit Lain	Firma audit pertengahan dan pemilik tunggal.
Firma Audit Utama	Firma audit dengan lebih daripada 10 rakan kongsi audit dan mengaudit lebih daripada 40 PIE dengan jumlah permodalan melebihi RM15 bilion.
Juruaudit	Juruaudit individu atau firma audit yang berdaftar di bawah seksyen 310 dalam SCA sebagai juruaudit PIE.

